

Bantuan RM1,000
untuk 939 PIBG

2

Serap 5,000 penjawat
awam ke jawatan tetap

3

RM123.7 juta baiki
357 pangsapuri

2

3,256 terima
bantuan alat niaga

4

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 22 - 28 JUN 2023

www.selangorkini.my

Dewan negeri dibubar 23 Jun



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama Ahli-ahli Dewan di-Raja Selangor termasuk Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam Istiadat Pengisytiharan Pembubaran Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-14 di Balai Dewan Diraja Istana Alam Shah, Klang pada 19 Jun 2023. Foto RADIN WAZIR ▶ BERITA MUKA 2

pancawarna

Pantau 24 jam jamin air bersih

Empat langkah berkesan kawal
pencemaran lembangan sungai

9



Tampal 53,200 lubang, lopak jalan

Kerajaan Selangor
tingkat usaha
selenggara laluan
negeri

11



Gandingan mencuit hati dua inspektor

Keakraban Sam
dan Zizan resipi
kejayaan trilogi
Polis Evo

10



RM1,000 untuk PIBG seluruh negeri

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mengumumkan bantuan RM1,000 kepada 939 sekolah seluruh negeri ini sebagai dana pengurusan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dana tersebut disalurkan dalam tempoh terdekat melalui Jabatan Pendidikan negeri untuk kegunaan persatuan itu.

"Amaun mungkin tidak banyak tapi saya rasa ia pengenalan dan suai kenal yang bagus untuk kita buat banyak jaringan dan memastikan PIBG berfungsi dengan baik.

"Jika persatuan berfungsi dengan baik akan banyak membantu pelajar dan guru terutama daripada segi pembelajaran anak-anak itu sendiri," katanya pada 18 Jun.

Tambah jualan murah Aidiladha

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bercadang menambah penganjuran jualan murah barangan asas kepada 18 lokasi selama dua hari menjelang Aidiladha.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim berkata, penduduk lebih mudah mendapatkan kelengkapan raya dengan harga berpatutan menerusi penganjuran Jualan Ehsan Rahmah (JER) berkenaan.

"Kita adakan dua hari sebelum menjelang Aidiladha. Kita cadang penganjuran di 18 lokasi sehari namun masih meneliti lokasi yang sesuai.

"Kali ini kita tidak anjurkan mengikut permintaan Ahli Dewan Negeri tetapi memberi keutamaan kepada penduduk Islam bagi memudahkan mereka menyediakan keperluan raya," katanya pada 16 Jun.

Terdahulu, beliau memaklumkan pertambahan sekali ganda bilangan lokasi JER sempena Aidiladha berbanding penganjuran di sembilan kawasan ketika ini.

JER kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan).

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Titah tidak sentuh isu agama, kaum

KLANG - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mengingatkan calon pilihan raya negeri (PRN) dan penyokong mereka agar tidak menggunakan isu agama dan perkauman sepanjang tempoh berkempen.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj turut mengingatkan kumpulan berkenaan supaya tidak memainkan isu sensitif yang boleh merosakkan keharmonian dan perpaduan rakyat negeri ini.

Berikut petikan titah ucapan Baginda sempena Istiadat Pengisytiharan Pembubaran Dewan Negeri Selangor ke-14:

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan di-Raja Selangor dan sekalian yang hadir Beta telah berkenan untuk menetapkan tarikh Istiadat Pengisytiharan Pembubaran Dewan Negeri Selangor diadakan pada hari ini, 19 Jun 2023.

Beta ingin menjelaskan bahawa Istiadat Pengisytiharan Pembubaran Dewan Negeri Selangor ini diadakan

lebih awal kerana Beta dan Tengku Permaisuri Selangor InsyaAllah akan berangkat menunaikan fardu haji pada 20 Jun 2023.

Maka oleh yang demikian, Beta dalam menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Fasal (2) Perkara 70 Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan setelah berunding dan menerima permintaan pembubaran Dewan Undangan Negeri Selangor dari Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah berkenan untuk menandatangani Proklamasi Pembubaran Dewan Negeri Selangor pada hari ini dan akan berkuat kuasa pada hari Jumaat 23 Jun 2023 bagi membolehkan Pilihan Raya Negeri Selangor diadakan.

Beta dijangka kembali ke tanah air selepas menunaikan ibadah haji pada 4 Julai 2023.

Di kesempatan ini, Beta ingin berpesan kepada calon-calon pilihan

raya yang bakal diadakan nanti serta penyokong-penyokong mereka agar dapat menjalankan kempen pilihan raya dengan cara yang berhemah dan bertanggungjawab dengan mematuhi undang-undang pilihan raya yang sedia ada serta undang-undang lain yang berkaitan.

Beta juga menegaskan agar calon-calon dan penyokong mereka tidak memainkan isu-isu yang berkaitan dengan agama dan membangkitkan isu-isu perkauman serta juga isu-isu sensitif lain yang boleh merosakkan keharmonian dan perpaduan di kalangan rakyat khususnya di negeri Selangor ini.

Calon-calon dan penyokong mereka juga diingatkan agar tidak mencaci, menabur fitnah dan mengadu domba terhadap pihak lawan ketika berkempen bagi mengelakkan perpecahan di kalangan rakyat negeri Selangor yang berbilang bangsa ini.

Sultan Sharafuddin tandatangan proklamasi

Selangor bubar dewan negeri 23 Jun

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

KLANG - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan membubarkan Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 23 Jun bagi membolehkan pilihan raya negeri (PRN) diadakan.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj turut berkenan menandatangani proklamasi pembubaran DNS ke-14 pada majlis istiadat di Balai Dewan Diraja Istana Alam Shah di sini pada 19 Jun.

Sultan Selangor bertitah majlis

pengisytiharan pembubaran diadakan awal berikutan keberangkatan Baginda bersama Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin menunaikan ibadah haji pada 20 Jun.

"Setelah berunding dan menerima permintaan pembubaran DNS dari Dato' Menteri Besar, Beta berkenan menandatangani proklamasi pembubaran DNS ke-14 hari ini dan akan berkuat kuasa pada Jumaat ini.

"Ini bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan. Beta dijangka kembali ke tanah air pada 4 Julai," titah Baginda.

Terdahulu Dato' Seri Amirudin Shari menghadap Baginda bagi memohon perkenan pembubaran DNS.

Turut berangkat ke majlis itu, Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah selain dihadiri Speaker DNS Ng Suee Lim, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim dan barisan Ahli Dewan Diraja Selangor.

Selain Selangor, lima lagi negeri turut membubarkan Dewan Undangan Negeri adalah Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan bagi menghadapi PRN yang dijangka Ogos.

RM123.7 juta baiki 357 pangsapuri

KLANG - Dana RM123.7 juta disediakan bagi membaik pulih 357 pangsapuri kos rendah dan sederhana menerusi Skim Baik Pulih Negeri Berkebakikan (Ceria) sejak 2011.

EXCO Perumahan Rodziah Ismail memaklumkan jumlah itu termasuk RM7 juta yang diperuntuk tahun ini bagi melaksanakan program sama di kawasan terpilih, yang boleh didaftarkan dalam talian.

"Berbanding negeri lain, hanya Selangor ada skim bantuan baik pulih pangsapuri kos rendah yang konsisten dan sistem permohonan yang

efisien," katanya pada 16 Jun.

Bercakap sempena majlis simbolik penyerahan Skim Ceria di Pangsapuri Bukit Tinggi 1, beliau meminta badan pengurusan bersama (JMB) memohon inisiatif itu bagi menceriahan lokasi kediaman.

Rodziah berkata kebanyakan permohonan memabitkan pembaikan struktur bumbung runtuh, lif, tangki air, cat termasuk aduan pembuangan sampah dari atas pangsapuri.

"Bagi memastikan aduan lebih cepat, kita minta pengurusan JMB membuat permohonan menerusi sistem e-Ceria

dan pihak berkaitan cuba selesaikan secara berperingkat," katanya.

Skim tersebut diwujudkan bagi membaik pulih kerosakan harta bersama yang kritikal di pangsapuri, dengan syarat JMB perlu berdaftar selain mempunyai kewangan memuaskan.

Sementara itu, Rodziah berkata sebanyak 98 daripada 181 projek perumahan terbengkalai di Selangor berjaya diselamatkan sejak 2007 sehingga kini berpunca daripada beberapa faktor termasuklah projek tidak menepati piawai dan masalah sistem saliran.



Orang ramai mendengar penerangan wakil syarikat ketika Karnival Kerjaya Mega Selangor 2023 di Pusat Konvensyen MBSA pada 18 Jun. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Ikut saranan SPN Selangor

5,000 diserap ke jawatan tetap

SHAH ALAM - Seramai 5,000 daripada 7,000 penjawat awam lantikan kontrak kerajaan Selangor diserap ke jawatan tetap setakat ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah itu menunjukkan kadar penyerapan ke jawatan tetap adalah tinggi, bertepatan saranan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (SPN) Selangor, lapor Bernama.

"Kebanyakan diserap adalah individu berpengalaman daripada pelbagai jawatan antaranya pegawai tadbir diplomatik yang sebahagian besarnya diserap oleh perjawatan peringkat persekutuan," katanya selepas merasmikan Karnival Kerjaya Mega Selangor 2023 di sini pada 18 Jun.

Beliau turut dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak lagi melaksanakan praktis pekeliling Dasar Pelantikan Tetap Penjawat Awam Bertaraf Kontrak namun pekeliling tersebut tidak dibatalkan.

Beliau berkata pelantikan tetap menerusi pekeliling tersebut juga sudah tidak menjadi amalan di kebanyakan negeri.

"Saya ingat, mungkin ada salah faham apabila kita batalkan pekeliling, ia jadi isu. Negeri lain tidak batal pekeliling dan tidak melaksanakan

pun. Itu maklum balas awal, biar saya dapatkan (maklumat lanjut) daripada JPA," katanya.

Pada 13 Jun, Amirudin berkata Kerajaan Negeri akan menyemak semula keputusan pembatalan dasar pelantikan tetap penjawat awam bertaraf kontrak yang berkhidmat lebih 15 tahun dan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Jumaat lepas untuk dibincangkan, dan keputusannya akan dimaklumkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak semua penjawat awam sebagai tonggak negeri supaya berani untuk mengembalikan maruah dan imej Malaysia sebagai negara hebat di rantau ini.

"Kembalikan maruah kita sebagai negara hebat dan buktikan dengan usaha kita dalam setahun, dua, atau tiga tahun ini angkat martabat Malaysia sebagai negara hebat di rantau ini.

"Tengok prestasi Selangor, boleh (dan) boleh lagi kita angkat kerana Selangor ada peranan penting dalam pertahankan induk dan kekuatan ekonomi negara. Sebab itu ramai orang nak rampas. Jangan bagi peluang dia mencelah," katanya pada 12 Jun.

Perjalanan tiga jam buru peluang kerja

SHAH ALAM - Pemuda dari Kuala Kangsar, Perak antara yang merebut peluang kerja di Karnival Kerjaya Mega Selangor di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini.

Ahmad Muhaimin Ahmad Ridzuan, 25, menempuh perjalanan tiga jam selepas dimaklumkan kakaknya yang menetap di Klang mengenai program yang menawarkan lebih 10,000 peluang kerja itu.

"Selepas kakak saya maklumkan berhubung program ini, saya terus ajak ayah untuk temani saya cari kerja sesuai. Apatah lagi, saya menganggur kerana kontrak di syarikat lama sudah tamat.

"Saya buat persiapan rapi dengan mengemas kini resume dan dokumen sepatutnya," katanya yang menyifatkan karnival itu medan terbaik untuk graduan baharu dan penganggur mencari kerja.

Sharifah Natasha Awla Syed Hamid, 26, pula mengakui terkejut dengan penyertaan banyak majikan pada karnival tersebut, sekali gus membuka ruang mendapatkan kerja baharu bersesuaian.

Berhasrat menukar kerja selepas empat tahun berkhidmat sebagai pembantu projek sebuah syarikat swasta, anak sulung daripada tiga beradik itu mahu keluar dari zon selesa.



TROPICANA AMAN
KOTA KEMUNING

**UNIT BUMIPUTERA,
PAKEJ ISTIMEWA UNIT TERHAD**

POTONGAN HARGA BUMIPUTERA

<p>ELEMEN RESIDENCES</p>  <p>RUMAH TERES 2 TINGKAT 26' x 80'</p>	<p>TRIANA 2 & 3 Storey Shop-Offices</p>  <p>KEDAI PEJABAT 24' x 70' / 35' x 70'</p>
<p>FREESIA RESIDENCES</p>  <p>RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT 48' x 80' / 38' x 90'</p>	<p>GEMALA RESIDENCES</p>  <p>RUMAH TERES 2 TINGKAT 32' x 75' / 32' x 87'</p>



1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY
No.2, Persiaran Aman Perdana 3, Bandar Tropicana Aman,
43000 Teluk Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



Khidmat van percuma tiga bulan

SHAH ALAM - Penduduk sekitar parlimen Gombak menikmati kemudahan van transit atas permintaan (demand-responsive transit) atau DRT percuma selama tiga bulan mulai 12 Jun.

Wakil rakyatnya Dato' Seri Amirudin Shari berkata perkhidmatan e-panggilan Trek Rides Gombak antara usaha negeri menyelesaikan masalah keterhubungan antara lokasi ke lokasi lain.

Katanya, 71 lokasi pengambilan dan penghantaran terlibat antaranya Kampung Laksamana dan Kampung Nakhoda, yang dihubungkan ke stesen komuter Batu Caves dan Dataran Bandar Baru Selayang.

"(Kos perkhidmatan) ditanggung oleh pejabat parlimen Gombak dan beroperasi bermula 8 pagi hingga 8 malam setiap hari," katanya yang juga Dato' Menteri Besar di Facebook pada 13 Jun.

Orang ramai boleh muat turun aplikasi Trek App di Google Play Store atau App Store untuk tempahan selain layari laman sesawang www.trekrides.com bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Beri makanan berzat enam bulan

SHAH ALAM - Seramai 50 kanak-kanak berusia antara dua hingga enam tahun di pangsapuri sekitar Seksyen 24 di sini diberi makanan berkhasiat selama 120 hari atau enam bulan mulai 12 Jun.

Penolong pengarah kanan Unit Pembangunan Komuniti Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) berkata ia dibuat dalam program perintis penjagaan kesihatan untuk penduduk perumahan strata (SEHEART).

Mohd Azuan Sharani berkata program itu usahasama antara LPHS dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi membantu golongan kanak-kanak yang terbantut dalam kalangan penduduk kawasan strata.

"Program pengupayaan nutrisi ini dipilih sebagai perintis dalam memperkasa kesihatan komuniti strata melalui Program SEHEART bagi tahun 2023," katanya.

Pada Mei, Kerajaan Negeri melancarkan program pengupayaan khasiat, cabang Program SEHEART yang bersifat menyeluruh bagi menangani isu kesihatan terutama melibatkan komuniti strata.

Gugusan Perbadanan Pengurusan Anggerik (PPA) di Seksyen 24 Shah Alam dipilih sebagai kawasan perintis.

Bantu rapat jurang pendidikan

SUBANG JAYA - Yayasan Selangor memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang pendidikan masyarakat luar bandar dan bandar sejak penubuhannya pada 1970.

Dato Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan yayasan itu juga melahirkan sumber manusia bermutu untuk mewarisi kepimpinan hari ini hingga ke masa hadapan.

"Antara cabaran awal sejak penubuhan Yayasan Selangor untuk memastikan keseimbangan antara masyarakat

bandar dan luar bandar.

"Pelbagai inisiatif diwujudkan bukan hanya bantuan wang tunai dan biasiswa kebajikan tetapi menyediakan asrama untuk mengenal pasti pelajar potensi di luar bandar untuk dilatih," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis pelancaran Rancangan Strategik Yayasan Selangor serta Menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Rakan Strategik di sini pada 13 Jun.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Selangor Eddie Ahmad Khodzali.

Tahun lalu, Amirudin memaklumkan Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor diuruskan sepenuhnya Yayasan Selangor mulai tahun ini bagi menggembelng potensi pengurusan pendidikan negeri.

Jelasnya, yayasan itu bertindak sebagai agensi peneraju di samping elemen kawal selia dijaikarkan ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Ubah nasib individu susah

3,256 terima bantuan alat niaga

Oleh **SHEEDA FATHIL**

KLANG - Seramai 3,256 individu menerima bantuan alatan perniagaan menerusi program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan antara 2016 hingga Jun tahun ini.

EXCO Pembangunan Sosio Ekonomi V Ganabairau berkata sebanyak RM13,598,420 turut disalurkan dalam tempoh tersebut bagi memastikan peserta

mendapat bantuan sewajarnya.

"Ia merupakan sejumlah peruntukan besar yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri. Bagi tahun 2023 sahaja, seramai 334 permohonan telah diluluskan di sembilan daerah.

"Kita sentiasa berusaha menambah baik program dari semasa ke semasa bagi memastikan program ini mencapai matlamatnya," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis penyerahan Program Bantuan Blueprint

Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan dan Pemerkasaan Usahawan India Selangor (I-SEED) pada 14 Jun.

Ganabairau berkata bantuan alatan perniagaan dipelbagaikan berbanding tumpuan kepada mesin jahit sebelum ini bagi meluaskan lagi bentuk sumbangan kepada golongan sasaran.

Kerajaan Negeri menawarkan pelbagai program dengan dana yang besar bagi membantu peniaga termasuk latihan, bimbingan dan pemberian alatan.

Tekad tingkat mutu perkhidmatan

KLANG - Usahawan percetakan berazam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan selepas menerima sumbangan peralatan bernilai RM5,000 menerusi program Blueprint Pembasmian Kemiskinan.

Menjelaskan mesin pencetakan sedia ada miliknya sebelum ini uzur dan memerlukan kos penyelenggaraan tinggi, Mohd Khairi Mohd Ham, 60, juga mahu mengembangkan perniagaan.

"Dengan adanya mesin pencetakan baharu ini, saya tekad untuk mengembangkan perniagaan selain meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada

da pelanggan," katanya.

Beliau antara 29 penerima alatan perniagaan bagi daerah Klang yang disampaikan EXCO Pembangunan Sosio Ekonomi V Ganabairau di Pejabat Daerah dan Tanah di sini pada 14 Jun.

Peniaga nasi lemak dan kuih-muih Sarimah Kastin, 62, pula menerima dapur masak dan pencincang (chopper) bernilai kira-kira RM1,000.

"Dengan bantuan ini, saya bercadang untuk mengembangkan lagi perniagaan membuat karipap se-

juk beku selain menambah kuantiti nasi lemak dibuatnya setiap hari.

"Kemudahan diberikan Kerajaan Negeri ini sangat membantu menambah pendapatan kami sebagai peniaga kecil-kecilan," katanya.

Dalam Belanjawan Selangor 2023 Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan program bantuan itu diteruskan tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM2 juta.

Bantuan berbentuk peralatan atau mesin itu diwujudkan khusus untuk membantu golongan dalam kalangan peniaga, peniaga atau yang bekerja sendiri di negeri ini.



WAKTU SOLAT

22 - 28 JUN 2023
3-9 ZULHIJAH 1444

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
22 Khamis	5:42	5:52	7:05	1:18	4:44	7:27	8:43
23 Jumaat	5:42	5:52	7:05	1:18	4:44	7:27	8:43
24 Sabtu	5:43	5:53	7:05	1:18	4:44	7:27	8:43
25 Ahad	5:43	5:53	7:06	1:19	4:44	7:28	8:43
26 Isnin	5:43	5:53	7:06	1:19	4:45	7:28	8:44
27 Selasa	5:43	5:53	7:06	1:19	4:45	7:28	8:44
28 Rabu	5:44	5:54	7:06	1:19	4:45	7:28	8:44

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:43	5:53	7:06	1:19	4:44	7:27	8:43
	5:43	5:53	7:06	1:19	4:44	7:27	8:43
	5:44	5:54	7:07	1:19	4:45	7:27	8:43
	5:44	5:54	7:07	1:19	4:45	7:28	8:43
	5:44	5:54	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
	5:44	5:54	7:07	1:20	4:45	7:28	8:44
	5:44	5:54	7:08	1:20	4:45	7:28	8:44

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:43	5:53	7:06	1:20	4:46	7:29	8:45
	5:43	5:53	7:06	1:21	4:46	7:30	8:45
	5:44	5:54	7:07	1:21	4:47	7:30	8:46
	5:44	5:54	7:07	1:21	4:47	7:30	8:46
	5:44	5:54	7:07	1:21	4:47	7:30	8:46
	5:44	5:54	7:07	1:21	4:47	7:31	8:46
	5:45	5:55	7:08	1:22	4:47	7:31	8:46

#KitaSelangor

Tahniah

**ULANG TAHUN KELIMA PENTADBIRAN
Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN SHARI**

Selaku

Dato' Menteri Besar Selangor

Pada

19 JUN 2023

Ikhlas Daripada :

WORLDWIDE
HOLDINGS

Property | Environment | Medical | Energy

PKNS ketua projek pelabuhan ketiga

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan mengetuai penadbiran negeri bagi projek pembinaan pelabuhan ketiga di Pulau Carey, maklum Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI juga dipertanggungjawab melaksana projek tambahan seperti pembangunan kawasan pengilangan, perumahan dan perindustrian.

"PKNS telah diputuskan untuk mengetuai dan mewakili Kerajaan Negeri bagi projek pembinaan pelabuhan ketiga di Pulau Carey.

"Semoga (projek) ini akan menjadi pendapatan bersandar (reclining income) atau pendapatan yang konsisten kepada PKNS untuk terus memberi perkhidmatan kepada negeri Selangor," katanya pada 14 Jun.

Tiga fasa siapkan projek atasi bah

HULU LANGAT - Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Langat diselesaikan berperingkat membabitkan tiga fasa dalam tempoh 10 tahun, kata EXCO alam sekitar.

Hee Loy Sian berkata rancangan jangka pendek membabitkan kerja pendalaman sungai dan pembaikan ban bagi mengatasi masalah bah di sepanjang Sungai Langat akan dijalankan akhir tahun ini.

"Projek ini untuk 100 tahun akan datang. Ia bukan setakat tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi banyak melibatkan kerajaan persekutuan kerana memerlukan peruntukan lebih ratusan juta.

"Itu di luar kemampuan kita. Saya harap penduduk sabar sedikit masa lagi, kerana kita hendak pastikan sini bebas banjir," katanya baru-baru ini.

Dana RM16.1 juta diperuntuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran negeri bagi membina projek tebatan banjir di lembangan sungai utama termasuk Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Selangor.

Infrasel turap jalan di Tanjong Karang

SHAH ALAM - Infrasel Sdn Bhd (Infrasel) menurap laluan rosak di Jalan Bagan Pasir, Kuala Selangor dalam tempoh 24 jam selepas menerima aduan baru-baru ini.

Syarikat penyelenggara jalan negeri itu memaklumkan aduan diterima menerusi Twitter @infrasel_kjp selepas pengadu menggunakan tanda pagar diikuti nama jalan dan daerah.

Pemotongan rumput turut dibuat di Jalan Batang Kali-Genting, Hulu Selangor selain membersihkan dan mengecat semula papan tanda jalan di Taman Keruing Rasa, daerah sama pada 5 Mei.

"Teruskan membuat aduan dengan memuat naik hantaran di Twitter bersama tanda pagar #infrasel #namajalan #daerah berlakunya kerosakan jalan raya tersebut."

Jaringan pengangkutan tarik pelabur

SHAH ALAM - Kepelbagaian jaringan pengangkutan di bandar raya ini menjadi daya tarikan kepada pelabur tempatan dan luar negara untuk membangun dan mengembangkan perniagaan.

Datuk Bandar Shah Alam Dr Nor Fuad Abdul Hamid berkata mereka berminat untuk melabur demi kelancaran operasi perniagaan berikutan adanya kemudahan tersebut.

"Shah Alam dikelilingi sistem pengangkutan yang banyak, malah akan

datang menjadi lebih mudah kerana adanya Transit Aliran Ringan 3 (LRT3). Ini menarik pelaburan.

"Kedudukan Shah Alam yang strategik juga membantu pelaburan tinggi. Kita berada hampir dengan pelabuhan utama (di Klang) serta lapangan terbang (di Sepang)," katanya baru-baru ini.

Terdahulu, Majlis Bandaraya Shah Alam diumumkan pemenang kategori lokasi pelaburan utama dari 2019 hing-

ga 2022 sempena Anugerah Apresiasi Pelabur Selangor anjuran Invest Selangor.

Turut mengungguli kategori berkenaan ialah Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Perbandaran Kuala Langat. Anugerah disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Selain kategori berkenaan, majlis tersebut turut menghargai pelabur tempatan dan luar negara yang merekod nilai pelaburan tertinggi.

Bela wanita B40 teraniaya

Guaman percuma kes syariah

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Kes syariah disenarai sebagai penerima Dana Bantuan Guaman Selangor berkuat kuasa 7 Jun bagi memudahkan golongan wanita berpendapatan rendah (B40) mendapat pembelaan.

EXCO Kerajaan Prihatin V Ganabatirau berkata dana itu sebelum ini hanya terbuka kepada kes kekeluargaan (sivil) menerusi peruntukan RM1 juta

yang kini ditambah menjadi RM2 juta.

Beliau menambah syarat kelayakan juga dilonggar kepada isi rumah berpendapatan RM5,000 ke bawah berbanding keluarga berpendapatan RM2,000 ke bawah sebelum ini.

"Kerajaan Negeri bersetuju untuk memasukkan kes syariah dalam Dana Bantuan Guaman Selangor hasil kerjasama dengan Selangor Bar," katanya baru-baru ini.

Ganabatirau menambah tambahan subsidi bantuan guaman kepada

RM3,000 berbanding RM1,500 sebelum ini pula dijangka menarik minat lebih ramai peguam.

"Kita harap dengan bantuan guaman ini, ia dapat memberi manfaat kepada individu yang benar-benar memerlukan bantuan berkaitan guaman.

"Ini membuktikan Kerajaan Negeri bertanggungjawab dan sedia membantu wanita teraniaya," katanya.

Tambahan skim yang diumumkan pada Julai 2022 itu terangkum dalam belanjawan tahun ini.

Naik taraf balai raya, jalan

SEPANG - Sebanyak RM271,976 dipe-runtuk bagi menaik taraf kemudahan termasuk jalan raya di kampung Orang Asli sekitar Dengkil.

EXCO Hal Ehwal Orang Asli Hee Loy Sian berkata peruntukan tersebut antara usaha demi menjaga kebajikan mereka.

"Balai Raya Kampung Orang Asli Bukit Baja, Dengkil selesai dibaik

pulih melibatkan kos RM84,000. Kita mahu beri keselesaan dengan menaik taraf kemudahan di penempatan Orang Asli.

"Sebelum ini, bumbung balai raya bocor dan dimasuki hujan. Selepas ubah suai, penduduk boleh menjalankan mesyuarat, perkahwinan dan sebagainya dengan lebih selesa," katanya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan pembaikan balai raya berkenaan turut memaanfaat Kampung Orang Asli Air Terentang dan Kampung Orang Asli Bukit Damar yang diduduki hampir 1,000 penduduk.

Sementara itu, wakil penduduk Tok Batin Jalil Long, 49, gembira balai raya tersebut diubah suai demi keselesaan penduduk Orang Asli.

Bimbing miliki perniagaan sendiri

SUBANG JAYA - Peserta program bimbingan perniagaan (Grow) Jahitan 2023 di Pusat Jahit Sai Rani di sini, yakin penyer-taan mereka sebagai permulaan terbaik untuk menjadi usahawan berjaya satu hari nanti.

Maathavi Pachiappan, 29, berkata pembabitannya dalam kursus selama enam bulan itu menjadi batu loncatan mengejar impian memiliki perniagaan sendiri dalam bidang jahitan.

"Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu, saya belajar sendiri menjahit label dan menjual sari di media sosial.

"Sejak itu, minat untuk mendalami bidang jahitan dan perniagaan bermula.

Saya begitu teruja apabila terpilih salah seorang peserta program ini," katanya.

Maathavi berkata untuk menjadi usahawan bidang jahitan, ia bukan sekadar bakat sebaliknya kemahiran perlu ditingkatkan dengan bantuan mereka yang berpengalaman.

Sementara itu, pekerja swasta Sitha Narasimha Bharatheya, 42, mahu menggunakan peluang itu sebaiknya yang sebelum ini hanya sebagai hobi.

"Sebelum ini saya hanya menjahit suka-suka tetapi apabila terpilih sebagai peserta, saya tidak boleh sia-siakan kemahiran ini.

"Bukan sahaja dapat belajar asas

menjahit tetapi saya lihat peluang lebih besar untuk menjadi usahawan jika bersungguh-sungguh," kata ibu kepada tiga anak itu.

Terdahulu, seramai 10 peserta menyertai program di bawah kendalian Pembangunan Usahawan India Selangor (Sitham) melalui Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) dan dirasmikan EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail, di sini pada 11 Jun.

Sitham dilancarkan pada September 2019 memfokuskan usahawan India yang komited memajukan perniagaan dengan diberi bimbingan, geran dan peralatan perniagaan.

#KitaSelangor



**ULANG TAHUN
KELIMA PENTADBIRAN
Y.A.B DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Selaku
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
PADA 19 JUN 2023**

Ikhlas daripada

SELGATE
CORPORATION

• HEALTHCARE • PROPERTIES • YAYASAN



• GROUP OF HOSPITALS • CLINIC • DENTAL • PHARMACY • DIAGNOSTICS
• NURSING • MANAGEMENT • INSURANCE • SENIOR LIVING • MEDITECH • DIALYSIS

Pesta budaya Jepun 22 Julai

SHAH ALAM - Festival kebudayaan Jepun Bon Odori 2023 dijadual berlangsung di Kompleks Sukan Negara Shah Alam pada 22 Julai.

Tourism Selangor memaklumkan acara tahunan kali ke-47 itu bakal diserikan dengan pelbagai pengisian menarik.

"Antara program di Bon Odori 2023 adalah tarian kebudayaan dan persembahan alat muzik tradisi Jepun 'wadaiko'.

"Masuk adalah percuma namun penganjur berhak menetapkan had maksima kehadiran pengunjung mengikut keluasan kawasan," katanya di Facebook pada 14 Jun.

Tourism Selangor menambah, penganjur turut menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik percuma antara lokasi penganjuran dan KTM Shah Alam hingga 10 malam.

Pasar mini ganti lokasi JER

SHAH ALAM - Program Jualan Ehsan Rahmah (JER) diharap dapat diperluas dengan mewujudkan pasar mini untuk memudahkan penduduk membeli barangan asas pada harga murah.

Ahli Majlis Perbandaran Selayang Zon 20 Farid Al-Amin berkata inisiatif itu diyakini dapat memanfaatkan lebih ramai penduduk berbanding jualan berjadual di satu-satu lokasi.

"JER salah satu inisiatif Kerajaan Negeri yang amat berjaya, justeru diharapkan dengan mewujudkan pasar mini rahmah, rakyat dapat membeli barangan keperluan secara harian.

"Ketika ini program JER mendapat maklum balas positif kerana berjaya membantu ramai berjimat di saat berdepan peningkatan kos sara hidup malah ramai mengharap program dilaksanakan dengan lebih kerap di kawasan mereka," katanya pada 17 Jun.

500 ayam habis kurang dua jam

KUALA SELANGOR - Program Jualan Ehsan Rahmah (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok mendapat sambutan memberangsangkan apabila 500 ekor ayam terjual dalam tempoh kurang dua jam.

Ketua Kampung Harmoni Zulizam Ramli berkata barangan asas lain seperti telur, beras, ikan dan daging turut terjual dalam tempoh singkat pada program di perkarangan Masjid Darul Ibadah Kampung Harmoni, di sini.

"Sambutan luar biasa kira-kira 300 pengunjung datang. Ada yang tidak sempat membeli beberapa barangan keperluan.

"Saya berharap selepas ini, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dapat menambah jumlah barangan kepada penduduk," katanya pada 13 Jun.

Bakal haji B40 dapat bantuan

SHAH ALAM - Lebih RM13 juta disediakan untuk program Insentif Haji Muassasah kepada bakal jemaah negeri ini dari kalangan golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40).

Edisi 29 Jun-5 Julai memapar perihal bantuan tahunan yang memanfaatkan hampir 26,000 jemaah. Mereka menerima wang tunai RM500 yang didanai Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Pemberian sejak 2017 juga meliputi kit syifa mengandungi ubat-ubatan, cecair pembasmi kuman, losyen dan pelembap bibir, semuanya melibatkan peruntukan RM1.653 juta.

Pancawarna juga berkongsi sebahagian perancangan Festival Turath Islami Selangor yang akan diperluas ke peringkat daerah agar penyeba-

ran ilmu Islam lebih mengakar dalam kalangan umat.

Dalam wawancara, Pengarah sekretariat festival itu Ammar Gazali juga mendedahkan pelbagai bentuk cadangan dan sokongan ulama diterima bagi menjayakan program berteras agama.

Majlis ilmu antara 20 hingga 25 Mei yang menampilkan tokoh agama antarabangsa termasuk bekas Mufti Besar Mesir Syekh Dr Ali Jum'ah disertai ribuan peserta termasuk dari luar negara.

Sempena Aidiladha, sisipan juga menyenarai buku-buku tulisan Imam al-Ghazali yang diterjemah ke bahasa Melayu hasil usaha Kerajaan Negeri menerusi Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE).

Buku itu antaranya Penyelamat



Daripada Kesesatan, terjemahan asal Al-Munqidz Min Al-Dhalal. Satu lagi terjemahan terkenal ialah Ciri Pemisah Antara Islam dan Zindik yang diterjemah daripada tulisan asal bertajuk Faysal al-Tafriqah baina al-Islam wa al-Zandaqah.

Jimat belanja suri rumah

Keluarga tidak perlu ikat perut

Oleh **YUSLIZA YAKIMIR ABD TALIB**

KUALA SELANGOR - Program jualan murah barangan asas anjuran Kerajaan Negeri melegakan penduduk Kuala Selangor khasnya suri rumah untuk berjimat lebih banyak.

Suri rumah Rosnah Mohd Diah, 41, berkata inisiatif Jelajah Ehsan Rahmah (JER) antara yang dinanti setiap minggu untuk membeli keperluan lebih murah berbanding harga pasaran.

Ibu kepada lima anak itu juga mendedahkan dia sekeluarga tidak



perlu mengikat perut berikutan program berkenaan menyantuni keluarga besar dan berpendapatan rendah (B40).

"Di rumah ada tujuh orang, jika tiada jualan murah seperti ini memang kami terpaksa berbelanja dengan berhemah dan ada masa perlu mengikat perut. Sekarang, saya dan suami mampu berjimat lebih RM100 untuk membeli barang keperluan lima anak kami," katanya.

Warga emas, Mat Yunus Swardi, 59, yang sudah empat kali berkunjung ke jualan murah itu memuji program berkenaan serta mendedahkan

tidak lagi perlu mencatu makanan.

"Di sini, telur pun murah. Jadi setidak-tidaknya jika terdesak masih ada telur untuk isi perut. Saya harap kerajaan dapat memperluas keperluan asas lain seperti sardin," katanya.

Terdahulu, lebih 500 ekor ayam dan 300 papan telur terjual dalam tempoh kurang dua jam selepas program bermula 10 pagi di perkarangan Masjid Darul Ibadah, Kampung Harmoni, di sini.

JER menawarkan ayam RM10 sekor, daging pejal segar (RM10/pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6/pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).

RM500,000 jaga kebajikan

SEPANG - Pelbagai bentuk bantuan disediakan kepada masyarakat Orang Asli pada setiap tahun bagi memelihara kebajikan mereka.

EXCO Hal Ehwal Orang Asli Hee Loy Sian berkata sumbangan itu meliputi baik pulih prasarana, bina perumahan, kegiatan kemasyarakatan, kenaikan elaun dan pemberian bonus kepada tok batin.

Beliau menambah dana RM500,000 diperuntuk setiap tahun bagi membuat jalan raya, membina prasarana

dan membaik pulih balai raya selain RM10,000 untuk penganjuran program.

"Setiap tahun, kita juga menyediakan peruntukan RM1 juta untuk baik pulih atau bina rumah baharu. Tahun lepas, 12 kediaman terima manfaat dengan setiap satu menelan belanja RM80,000.

"Selain tingkatkan kebajikan penduduk, beberapa langkah diambil termasuk tambah gaji tok batin daripada RM900 kepada RM1,500 dan pemberian bonus," katanya baru-baru ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Loy Sian menjelaskan semua tok batin mula menerima gaji minimum RM1,500 mulai bulan ini.

"Kerajaan Negeri telah setuju beri elaun tambahan RM600 dan menjadikan gaji tok batin RM1,500 sebulan bermula Januari lalu.

"Bermula bulan ini, tok batin terima gaji RM1,500 dan pembayaran elaun tambahan Kerajaan Negeri yang sepatutnya dibayar Januari juga akan dimasukkan," katanya.



Pastikan bekalan stabil

Oleh NADIAH ZAMLUS

Pada 1990-an, Selangor berdepan krisis kekurangan bekalan air, khususnya musim kemarau. Bagi mengatasinya, banyak kolam takungan termasuk Sistem Peningkatan Hibrid Pinggir Sungai (HORAS) 600 dibina.

Bagaimanapun, tahun-tahun kebelakangan ini menyaksikan berlaku pencemaran sungai sehingga operasi loji rawatan air (LRA) terjejas. Bagi mengatasi masalah itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) pada 2020.

Hasil kejayaan skim tersebut, kejadian henti tugas LRA yang mengakibatkan gangguan bekalan kian berkurangan sekalipun kes pencemaran meningkat. Jadual kes kod merah menunjukkan bilangan pencemaran meningkat daripada tiga pada 2018 hingga 15 (2020).

Bagaimanapun, selepas SJAM diperkenal, berkat pemantauan 24 jam Pasukan Tindakan Segera (PANTAS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berjaya mencegah pencemaran masuk ke muka sauk yang boleh mengakibatkan henti tugas LRA.

Jadual kes kod kuning menunjukkan 21 kejadian pencemaran dikesan pada 2021 dan meningkat kepada 54 pada 2022. Setakat hujung Mei, 21 kes pencemaran dikesan lebih awal.

Selain rondaan 24 jam di lembangan Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Klang, SJAM juga memanfaatkan dron berteknologi tinggi bagi menganalisis air, mengawasi lokasi sumber air dan menempatkan sistem amaran awal.

SJAM juga berupaya menjamin operasi LRA tidak terjejas meski berlaku pencemaran apabila projek pembinaan infrastruktur pengepaman dari kolam takungan Sungai Selangor siap pada 2024.

Projek pengepaman

Pada masa ini, proses pembinaan projek pengepaman dari kolam takungan HORAS 600 di Sungai Selangor dan kolam takungan di Sungai Semenyih mencapai kemajuan lebih 51 peratus.

Projek bernilai RM320 juta itu dapat memastikan LRA Rantau Panjang, SSP 1,2,3 dan LRA Semenyih terus menyalur air melalui pengepaman sekalipun sungai tercemar dalam tempoh maksimum lima hari.

Inisiatif SJAM yang diumumkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menerusi Belanjawan Selangor 2021 pada 30 Oktober 2020 juga memulihara kualiti air Sungai Gong, Rawang melalui Projek Perintis Rawatan Biologi.

Ia meliputi pendekatan biologi dengan meletakkan bahan nanoteknologi dan kaedah fizikal seperti sistem rawatan air mentah (RWTS) bagi memastikan kualiti air sentiasa terjamin.

Menurut LUAS pada 4 April 2023, kualiti air di kawasan Sungai Gong mencatat peningkatan baik hasil rawatan berkenaan.

"Kualiti air di kawasan Sungai Gong mencatat peningkatan yang baik susulan penghasilan air

SKIM JAMINAN AIR MENTAH (SJAM)

- ### 1 Rawatan awal di kolam-kolam rawatan air

pendekatan biologi semula jadi, masukkan formulasi cecair Aquaritin
- ### 2 Pemantauan dan pengawasan

 - pantau sumber air 24 jam Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) Lembaga Urus Air Selangor
 - dron berteknologi tinggi untuk analisis air, awasi kawasan, kumpul bukti untuk pendakwaan di mahkamah
 - tempatkan sistem amaran awal pencemaran, guna pengesanan jumlah karbon organik (TOC) di dalam air
- ### 3 Pembinaan sistem pengepaman terus dari kolam takungan Sungai Selangor

jamin bekalan air walau berlaku pencemaran (kecuali kemarau panjang atau pencemaran lebih 5 hari)
- ### 4 Penguatkuasaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan) 2020

 - denda minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta
 - penjara mandatori
 - kuasa menyita tanpa waran
 - tuntutan ganti rugi
 - ganjaran pemberi maklumat



KES KOD MERAH

Lokasi	2018	2019	2020	2021	2022	2023*
Lembangan Sungai Langat	2	5	3	2	2	1
Lembangan Sungai Selangor	1	6	12	0	0	1
Lembangan Sungai Klang	0	3	0	0	0	0
Jumlah	3	14	15	2	2	2

KES KOD KUNING

Lokasi	2018	2019	2020	2021	2022	2023*
Lembangan Sungai Langat	0	0	11	14	17	3
Lembangan Sungai Selangor	0	0	7	7	13	16
Lembangan Sungai Klang	0	0	0	0	24	2
Jumlah	0	0	18	21	54	21

* sehingga 29 Mei

Sumber LUAS

beroksigen semula jadi melalui projek ini yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri menerusi pihak dilantik iaitu NUAIM Corporation Sdn Bhd dan dipantau oleh LUAS," kata kenyataan.

Selain itu, Pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 juga dibuat bagi meningkatkan bayaran denda atas kesalahan pencemaran air.

Susulan itu pada 9 November 2020, Dewan Negeri Selangor meluluskan pindaan enakmen iaitu mengenakan hukuman lebih berat termasuk penjara mandatori, sita tanpa waran, ganti rugi dan denda maksimum RM1 juta.

Sam, Zizan angkat trilogi Polis Evo

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Penangan filem aksi Polis Evo 3 mendapat perhatian ramai. Hari pertama tayangan, filem arahan Syafiq Yusof meraih kutipan RM3.4 juta, mengalahkan tayangan filem antarabangsa, Fast X dengan genre sama.

Gandingan sahabat baik Inspektor Khai dan Inspektor Sani lakonan Shaheizy Sam dan Zizan Razak masih menjadi penggerak utama siri Polis Evo.

Pemilik nama sebenar Shaheizy Sam Abdul Samad, 40, mengakui, sejak terlibat dengan Polis Evo persahabatannya bersama Zizan mula menjadi akrab walau di luar filem. Jika sebelum ini masing-masing saling segan, kini mereka berdua seperti adik-beradik.

"Sebelum ini saya dengan Zizan tidak pernah berlakon sekali sehinggalah dapat tawaran berlakon Polis Evo.

"Sudah lapan tahun kenal Zizan. Banyak filem saya sebelum ini hanya ada satu karakter penting. Namun, kali ini kami adalah duo. Keakraban itulah yang kami cipta sampai betul-betul rapat sehingga Polis Evo 3," katanya ketika ditemui Selangorkini baru-baru ini.


Isteri sokong

Bercerita mengenai komitmen untuk Polis Evo 3, pemenang Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2014 itu melakukan diet melampau bagi mendapatkan bentuk tubuh yang diminta pengarah.

Ia bukan mudah, apatah lagi Sam memang dikenali sebagai individu yang 'suka makan'.

"Saya susah betul dapatkan 'six pack' kerana kita duduk lama di rumah akibat pandemik. Ketika itu badan saya naik mendadak.

"Namun, kerana tuntutan kerja iaitu Polis Evo 3, saya berusaha juga. Usaha ini secara tidak langsung menjadi memori untuk Polis Evo 3. Mencabar sebenarnya



untuk mendapatkan badan begini pada usia hampir 40 tahun. Saya kena jaga makan dan pergi gimnasium.

"Ia juga membezakan karakter saya sebagai Inspektor Khai dengan karakter lain yang pernah saya bawakan. Jadi perjalanan lakonan saya menjadi lebih warna warni," ceritanya.

Sam bersyukur kerana isterinya, Syatilla Melvin turut memberikan sokongan dan galakan dari segi pemakanan.

Diterima baik

Polis Evo 3 yang menelan belanja melebihi RM8 juta ini menjadi penutup penggambaran Inspektor Sani dan Inspektor Khai.

Sam gembira filem lakonannya masih diterima baik penonton walau sudah memasuki trilogi ketiga.

"Kejayaan Polis Evo 1 dan 2 sebelum

ini sebenarnya memberikan cabaran untuk menghasilkan filem yang lebih baik. Sebab selalunya kalau filem sampai ketiga atau keempat orang mungkin sudah menyampah.

"Namun, itu adalah cabaran yang kami terpaksa lalui untuk pastikan semua penonton gembira. Kalau boleh saya mahu filem ini sampai Polis Evo ke-26. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang pernah menyokong kami sejak Polis Evo 1 dahulu," tambahnya.

Polis Evo 3 memaparkan watak antagonis yang juga bekas anggota polis bernama Reza lakonan cemerlang Sharnaaz Ahmad. Ia juga akan menguji keakraban persahabatan antara Sani dan Khai.

Setakat 18 Jun ditayangkan, kutipan Polis Evo 3 sudah mencecah RM50 juta.

Untuk rekod, Polis Evo 1 berjaya meraih kutipan sebanyak RM17.8 juta manakala Polis Evo meraih kutipan sebanyak RM20 juta.

Pantas tampal jalan

Oleh NAZLI IBRAHIM

Kerajaan Selangor sentiasa berusaha meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan keselesaan penggunaannya. Sehubungan itu, kualiti jalan raya terus dipertingkatkan dengan penambahbaikan kerja penyelenggaraan.

Agensi Kerajaan Negeri, Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) melalui Infrasel Sdn Bhd (Infrasel) diberi tanggungjawab menyelenggara jalan negeri seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor.

Ia membabitkan 2,443 jalan dengan panjang 4,197 kilometer, meliputi sembilan daerah dalam negeri ini.

Anak syarikat KSSB itu telah membaiki 53,207 lopak dan lubang antara 2021 sehingga 31 Mei lalu di semua sembilan daerah negeri ini.

Sebanyak 11,905 kerja tampalan dilaksanakan di Petaling, Kuala Langat (8,843), Sabak Bernam (7,815), Klang (7,548), Hulu Langat (5,203), Sepang (3,712), Kuala Selangor (4,687), Gombak (2,431) dan Hulu Selangor (1,063).

Bagaimanapun, kerja itu hanya membabitkan jalan negeri diselia JKR dan Infrasel.

Penyelenggaraan lebuhraya pula di bawah tanggungjawab syarikat konsesi masing-masing.

Manakala jalan persekutuan dibiayai serta diselenggara oleh kerajaan persekutuan melalui syarikat Roadcare Sdn Bhd. Selain itu, ada juga jalan raya diuruskan pihak berkuasa tempatan.

Kerja pembaikan jalan rosak seliaan JKR dan Infrasel dapat



Foto ihsan Kumpulan Semesta Sdn Bhd

dilakukan dengan pantas hasil penggunaan teknologi baharu yang menjadi sebahagian inisiatif Kerajaan Negeri.

Dilancar pada Mac 2022, teknologi aplikasi Penilaian Jalan Pintar (i-RAA) berasaskan sistem kecerdasan buatan (AI) dan pengesanan dan perluasan cahaya (LiDAR) yang dibangunkan Selgem Sdn Bhd (Selgem). Ia membantu Kerajaan

Negeri mengesan kerosakan jalan raya, banjir kilat dan kegagalan cerun yang berlaku.

Aduan di Twitter

Melalui beberapa komponen utama bagi kerja pemeriksaan rutin seperti pengesanan kerosakan jalan melalui dron dan kamera papan pemuka, pendigitalan aset, aduan media sosial dan aplikasi awam mudah alih, i-RAA dilihat sebagai komposisi dibangunkan sistematik dan teratur.

Berkonsepkan pusat sehenti, kawalan sistem AI tersebut dipantau melalui ruangan khas iaitu pusat kawalan (*foto*) terletak di Ibu Pejabat KSSB dan JKR negeri.

Sistem Penilaian Kerosakan Rangkaian Jalan Raya (Road Network Defect Assessment atau RONDA) turut diperkenalkan Selgem bagi membantu JKR dan Infrasel menjalankan kerja penyelenggaraan jalan melalui data kerosakan jalan diperolehi daripada sistem tersebut.

Anak syarikat KSSB yang diamanahkan menyelenggara jalan negeri di Selangor sejak 2021 selepas diberikan konsesi JKR, sudah memperkenalkan pelbagai kaedah meningkatkan perkhidmatannya bagi keselesaan pengguna.


Antaranya pengaduan jalan rosak oleh pengguna melalui aplikasi Twitter. Aduan dibuat dengan menangkap gambar jalan berlubang melalui telefon pintar.

Kemudian ciapan aduan bersama gambar dimuat naik di Twitter @infrasel_kjp. bersama hashtag #infrasel #namajalan #daerah

Aduan itu disalur ke pusat kawalan bersepadu. Dari pusat kawalan, aduan kemudian dimaklumkan kepada pihak berwajib mengikut lokasi jalan berlubang itu.

Dalam tempoh 24 jam, kontraktor bertindak menampal jalan yang diadakan menerusi Twitter.

Secara tidak langsung, sistem pengurusan dan penyelenggaraan jalan menjadi lebih cekap dan pantas, sekali gus meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.





Amirudin serah bantuan RM23.2 juta dan RM9.3 juta kepada sekolah persendirian pelbagai aliran di Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) Al-Maarof, Johan Setia, Klang pada 11 Disember 2021



Dato' Menteri Besar bersama penerima Rumah Selangorku Rosmalini Salleh, 41, (dua kiri) di Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, Hulu Selangor pada 10 April 2021



Orang ramai mendaftar sebelum menjalani temuduga sempena Karnival Kerjaya Mega Selangor 2022 di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 11 Jun 2022



Dato' Menteri Besar melawat gerai Bazar Ramadan BK5 selepas melancarkan program pemerkasaan penjaja melalui Inisiatif Platform Selangor (PLATS) di Subang Jaya pada 8 April 2022



Amirudin, Rafizi dan EXCO Pertanian Ir Izham Hashim bersama penerima INTAN @ PJ City Food Valley di Pangsupuri Pelangi Damansara, Petaling Jaya pada 21 Mac 2023



EXCO Pembinaan Generasi Muda Mohd Khairuddin Othman bersama peserta RiDE di Dewan MBSA Seri Pagi, Paya Jaras, Sungai Buloh pada 15 Ogos 2020



Peserta program Jom Shopping Skim Mesra Usia Emas memilih barangan keperluan harian di Ecomart Sungai Berthi, Jalan Yadi, Klang pada 30 September 2019



Dato' Menteri Besar (tengah) menyerahkan sumbangan lhya' Ramadan kepada 22 masjid dan 75 surau sekitar Parlimen Gombak di Masjid Al-Amaniah, Batu Caves pada 19 Mac 2023

SEPANJANG lima tahun pentadbiran Dato' Seri Amirudin Shari dengan slogan Maju Bersama, semua golongan yang memerlukan terus mendapat perhatian Dato' Menteri Besar.

Selain menambah baik pakej bantuan sejak 2008, beliau bersama 10 EXCO Kerajaan Negeri memperkenalkan beberapa program yang dapat mengurangkan kesan kos sara hidup seperti Jualan Ehsan Rakyat (JER) dan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS).

Selepas anak muda diberikan latihan awal di Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC), mereka juga berpeluang mendapat kerja melalui pelbagai program pameran kerjaya.

Bagi anak golongan berpendapatan rendah (B40), Kerajaan Negeri menyediakan Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) untuk penghantar barangan.

Untuk meningkatkan bekalan makanan, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Menteri Ekonomi Rafizi Ramli bagi mencapai matlamat pelaksanaan Inisiatif Usahawan Tani (INTAN).

Selain pendidikan, keusahawanan, bantuan kepada B40 dan makanan, Kerajaan Negeri tidak mengabaikan program keagamaan dan kerohanian.

Selain bantuan selenggara masjid dan surau, Selangor juga memberi sumbangan untuk menghidupkan bulan Ramadan.

Jurufoto HAFIZ OTHMAN, REMY ARIFIN, AHMAD ZAKKI JILAN, FIKRI YUSOF, MOHD YUSNI ARIFIN dan NAZIR KHAIRI merakamkan sebahagian program utama Kerajaan Negeri dari 2019 hingga tahun ini. Keterangan disediakan oleh HAFIZAN TAIB.



Dua EXCO Kerajaan Negeri Rodziah Ismail dan V Ganabatrau ketika Penyampaian Anugerah Penerima Cemerlang Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan di Shah Alam pada 3 Disember 2022



Orang ramai membeli barangan keperluan asas ketika program Jelejahan Ehsan Rakyat DUN Sungai Tua di Padang Awam Batu Caves, Gombak pada 1 Jun 2023



Seorang penerima BINGKAS Salina Damsah membeli barangan keperluan asas di Pasaraya Maju A&A, Gombak pada 15 Ogos 2022. Program ini memberi bantuan RM3,600 setahun



Norsafinas Naseri, 22, menggunakan aplikasi parkir Smart Selangor Parking di Seksyen 9, Shah Alam pada 7 Januari 2022



Hasil kemahiran yang ditimba di STDC, penuntut memberi khidmat sukarela memeriksa kereta ditenggelami banjir di Bukit Lanchong, Subang Jaya pada 11 Januari 2022



Sekumpulan pelajar menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor ketika perasmian Pusat Pembangunan Komuniti DUN Sentosa, Klang pada 26 September 2020



Orang ramai menunggu giliran menjalani pemeriksaan kesihatan percuma ketika program Selangor Saring di Dewan MBSA Kemuning Utama, Shah Alam pada 7 Ogos 2022



Penyelidik kedoktoran di Universiti Teknologi Mara, **ZAMIR MOHYEDIN** seorang ahli fizik yang menulis lapan buku

Boleh guna organ babi?

Pada 20 Oktober 2021, pemindahan organ haiwan iaitu organ babi kepada manusia berjaya dilakukan di Amerika Syarikat (AS). Ini merupakan kali pertama manusia berjaya menggunakan buah pinggang babi bagi menggantikan organ manusia yang tidak berfungsi lagi.

Projek menggunakan organ haiwan dikenali pemindahan-xeno (xenotransplant). Amalan ini telah bermula sejak 1970-an lagi. Pada ketika itu, saintis pernah menggunakan organ-organ primat seperti chimpanzi dan bonobo untuk menggantikan organ pesakit yang telah rosak. Primat adalah calon terbaik pada waktu itu kerana anatomi dan fungsi organnya menyamai manusia.

Tetapi projek ini menemui kegagalan dan dihentikan kerana terdapat banyak komplikasi dan penolakan oleh tubuh pesakit. Tambahan lagi, organ primat memberikan risiko bawaan virus yang berbahaya kepada manusia.

Pada awal 1990-an, projek ini muncul kembali. Tetapi kali ini saintis memilih babi sebagai calon pemindahan organ. Kenapa babi? Sebab terdapat beberapa organ dalaman (internal organ) babi yang menyamai manusia seperti buah pinggang, jantung dan pankreas. Sistem biologi mata dan kulit babi juga menyamai manusia.

Faktor terpenting pemilihan babi adalah babi bukan spesies terancam. Babi mudah diternak dan dibiakkan dalam jumlah yang sangat banyak. Setakat 2021, sekitar 750 juta populasi babi di seluruh dunia.

Penternakan babi asalnya bertujuan sebagai sumber makanan, jadi tidak hairan jumlahnya begitu banyak. Cimpanzi hanya sekitar 300,000 maksimum.

Tambah lagi, kadar pembiakan babi lebih tinggi berbanding primat. Babi dapat melahirkan sekurang-kurangnya 10 anak babi setiap kali beranak, Cimpanzi pula seperti manusia, hanya dapat melahirkan seekor bayi setiap kali beranak.

Di Amerika Syarikat, seramai 107,000 orang sedang menunggu untuk pemindahan organ. Di United Kingdom seramai 6,100 orang sedang menunggu. Di Malaysia pula seramai 5,289 pesakit yang memerlukan organ gantian



Kadangkala boleh melahirkan kembar. Babi dapat beranak dua tahun sekali, cimpanzi pula hanya dapat beranak 5 hingga 7 tahun sekali. Perbezaan yang amat ketara ini memberikan kelebihan kepada babi sebagai calon pemindahan organ.

Sunting genom

Kemudian, disebabkan babi hidup dalam persekitaran terkawal, jangkitan virus dapat dibendung dan diminimumkan. Perkara ini tidak dapat dilakukan ke atas primat yang hidup liar di hutan. Primat juga tidak dapat dipelihara seperti haiwan ternakan.

Apa-apa pun, penolakan organ asing oleh tubuh manusia tetap akan berlaku. Jadi, babi-babi yang dicalonkan untuk projek pemindahan organ akan disunting jujukan genomnya sebelum lahir.

Penyuntingan ini dibuat untuk membuang atau mematikan gen (gene) yang menjadi faktor penolakan tubuh manusia terhadap organ babi tersebut. Embrio babi yang telah disunting genetiknya akan dimasukkan ke dalam tubuh babi betina tumpang (surrogate pig).

Embrio tersebut akan membesar dalam kandungan sehingga matang dan bayi babi yang telah disunting genetiknya pun dilahirkan. Apabila bayi itu menjadi dewasa dan cukup matang, organnya diambil dan dipindahkan kepada manusia yang memerlukan.

Tuntas, tubuh manusia tidak lagi menolak organ asing daripada babi apabila pemindahan dilakukan.

Ini adalah apa yang dilakukan pada 2021.

Peristiwa ini sebenarnya membuka lembaran baharu dalam projek pemindahan organ. Ramai pesakit yang mempunyai masalah organ tidak mempunyai penderma untuk menggantikan organ mereka.

Penderma organ terbaik tentulah daripada manusia, tetapi kita pun mengalami masalah untuk mencari penderma. Bukan semua orang mahu menderma organnya. Tidak semua organ manusia yang baru sahaja meninggal dunia sesuai untuk digunakan sebagai ganti.

Di Amerika Syarikat, seramai 107,000 orang sedang menunggu untuk pemindahan organ. Di United Kingdom seramai 6,100 orang sedang menunggu. Di Malaysia pula seramai 5,289 pesakit yang memerlukan organ gantian.

Di Amerika Syarikat, seramai 17 orang mati setiap tahun ketika menunggu organnya untuk diganti.

Bagi orang Islam, menggunakan organ babi sebagai organ ganti tentu menimbulkan kegusaran dan keraguan. Memandangkan babi haram dimakan, apakah dibenarkan organ babi digunakan untuk ganti organ dalam badan seorang Muslim itu sendiri?

Perkara ini telah dijawab oleh bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Dr Zulkifli al-Bakri, pemindahan organ babi kepada manusia adalah dibolehkan dengan syarat keadaannya darurat yang telah disahkan oleh pakar perubatan dan tiada alternatif lain selain daripada menggunakan organ babi.

Bekas asnaf pembimbing niaga

Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Norlelawati Bahari nekad berhenti menjual bengkung. Tidak sanggup mendengar leteran ibu kerana penampilannya menampakkan bentuk tubuh gara-gara mahu memasarkan aksesori berkenaan.

Timbul rasa menyesal berhenti mengajar Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) pada 2019 kerana mahu berniaga melalui pemasaran berbilang tingkat (MLM).

Akhirnya, wanita berumur 42 tahun akur. Namun, beliau hilang sumber pendapatan dan disenaraikan asnaf pada hujung 2020.

Bantahan ibunya itu ada asas memandangkan Norlelawati berstatus ibu tunggal. Tambahan pula, kerja jual bengkung sering pulang lewat malam lantaran terpaksa menghadiri program syarikat.

Justeru, ibu kepada anak perempuan berumur 17 tahun ini menjadi bahan umpatan segelintir penduduk kampung.

Meski jualan laris dan mencapai sasaran hingga beberapa kali ke luar negara, namun tiada rasa kepuasan dalam diri.

"Lebih kurang dua tahun berniaga MLM, walau saya capai sasaran sampai syarikat beri ganjaran pergi Australia dan Korea Selatan tetapi dalam hati tak puas, mungkin kerana pentingnya restu ibu.

"Sampai emak cakap sayu hati bila orang kata engkau jual maruah, jual diri. Maklumlah, bila kita jual bengkung, pakai baju besar orang tak

nampak, jadi baju ikutlah sikit potongan badan tetapi saya pakai kot di luar. Emak tak suka," katanya kepada Selangorkini baru-baru ini.

Keluar asnaf

Mendambakan restu ibu, anak jati Kampung Delek, Klang ini mengikut cadangan orang tuanya berniaga roti buatan sendiri.

Berbekal modal RM4,000 pinjaman ibu, anak ketiga lapan beradik ini membeli peralatan membuat roti.

Selain itu, pemilik Ella Sunshine Bakery ini menerima bantuan awal modal pusingan RM500 dan bulanan RM400 daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Bermula di bilik kecil rumah ibu, roti jualanannya di tiga kantin sekolah berkembang ke tujuh kantin.

"Saya cakap dengan emak, bagi tempoh tiga bulan bayar balik tetapi saya berjaya bayar duit emak dalam tempoh sebulan setengah sahaja.

"Kebetulan saya bekas guru, saya guna kelebihan itu jual dengan rakan-rakan cikgu dan kantin sekolah," katanya.

Pasaran rotinya terus berkembang ke beberapa stesen minyak dan institusi pengajian tinggi tempatan sekitar Lembah Klang.

Berikutan sambutan menggalakkan, Norlelawati meningkatkan pengeluaran aneka roti. Namun, beliau memerlukan mesin sesuai untuk merealisasikan hasratnya.

Tidak banyak pilihan, beliau menggadai barang kemasnya untuk membeli beberapa mesin

pengadun.

Norlelawati turut memohon bantuan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (Teras) seperti mesin dan kenderaan bagi melancarkan urusan penghantaran.

Beliau menerima bantuan mesin pengadun bernilai hampir RM2,000 dan kenderaan pelbagai guna berharga kira-kira RM25,000 untuk memudahkan menghantar barang jualan.

Selepas mendirikan rumah tangga kali kedua pada 2021, Norlelawati memindahkan operasi perniagaannya di sebuah kedai kecil sebelum ke rumah yang lebih selesa.

Norlelawati turut menulis surat kepada LZS untuk keluar daripada senarai asnaf. Tanpa diduga, rezekinya semakin mencurah-curah selepas itu.

Jualan aneka roti keluaran Ella Sunshine Bakery mampu mencecah RM30,000 hingga RM40,000 sebulan.

Selain perniagaan roti, beliau turut membuka kelas bimbingan perniagaan dan sering diundang berkongsi pengalaman bersama asnaf anjuran Majlis Agama Islam Selangor.

Beliau turut mendapat tender membekal roti ke masjid dan agensi kerajaan.

"Alhamdulillah selepas keluar daripada senarai asnaf, tak sangka rezeki tak berhenti-henti. Tambah lagi sudah berkahwin, suami pula sentiasa beri galakan berniaga walau dia mampu menyara saya dan anak.

"Tips untuk berjaya dalam perniagaan, selain keluarkan zakat, saya yakin perlu ada konsisten, doa dan restu ibu sangat penting," katanya.

Impian wakili negara

Oleh FAYSAL AMANI

Jika tidak kerana pandemik Covid-19 melanda dunia, Nurshafila Omar pasti mewakili negara sebagai pemain boling padang.

Sekitar 2020, gadis berasal Kuala Selangor ini mendapat panggilan menyertai pasukan kebangsaan pada usia 19 tahun untuk satu kejohanan antarabangsa.

Bagaimanapun, hasrat beraksi bersama pemenang pingat emas Sukan Komanwel Australia 2018, Siti Zalinah Ahmad tidak kesampaian.

Meski kecewa, beliau menganggap belum rezeki untuknya mewakili negara, namun berazam terus meningkatkan prestasi bagi mendapat panggilan kedua.

Menurut gadis manis itu, dia merasakan perkara yang berlaku mempunyai hikmah tersendiri di samping memberikannya lebih peluang belajar sebelum beraksi bersama pemain yang jauh lebih berpengalaman.

Nurshafila menjadikan kejayaan meraih emas untuk Selangor pada Sukan Malaysia (SUKMA) di Kuala Lumpur tahun lalu sebagai pemangkin mengorak langkah dalam sukan tersebut.

"Sebenarnya saya sudah mendapat panggilan mewakili pasukan negara pada 2020,

tetapi nasib tidak menyebelahi apabila wabak Covid-19 melanda seluruh dunia.

"Banyak kejohanan terpaksa dibatalkan pada masa itu. Jadi tiada rezeki untuk saya membuat penampilan sulung bersama pasukan negara.

"Memang ada rasa terkilan. Namun, saya mahu memandang ke hadapan. Sasaran saya sekarang adalah untuk mewakili pasukan kebangsaan dan beraksi dalam temasya sukan seperti Sukan Asia serta Sukan Komanwel," katanya.

Pada SUKMA Kuala Lumpur 2022, Nurshafila yang bergandingan dengan Muhammad Haiqal

Azami, meraih emas acara berpasangan campuran menewaskan Perak 15-8 di Kompleks Sukan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Emas untuk Selangor

Mengimbuai detik manis tersebut, penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) itu menempuh pelbagai cabaran menghadapi temasya berkenaan tatkala negara dalam Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP).

"Kejayaan meraih emas dalam penampilan kedua di SUKMA merupakan hasil keserasian dibentuk sebelum negara dilanda pandemik Covid-19 lagi.

"Namun, semasa pandemik kami terpaksa berlatih secara dalam talian termasuk membuat panggilan video. Kejayaan memenangi emas buat Selangor membuktikan segala kerja keras itu berbaloi," katanya.

Tambah Nurshafila lagi, pada aksi akhir itu dia dapat beraksi dengan tenang sebagaimana setiap kali menyertai kejohanan besar sebelumnya.

"Hairan juga kerana sebelumnya agak gugup tetapi pada SUKMA

Kuala Lumpur, saya dapat beraksi dengan tenang, cuma cabaran utama adalah kekejaman kerana terpaksa berdiri selama enam jam bermula suku akhir, separuh akhir dan akhir.

"Masa rehat cuma 15 minit, tetapi saya kuatkan hati. Dengan sokongan rakan sepasukan, Alhamdulillah semuanya berjalan lancar," katanya.

Bercerita mengenai detik mula 'jatuh cinta' terhadap sukan boling padang, pelajar jurusan Sarjana Muda Sains Sukan itu menjelaskan segalanya bermula di bangku sekolah menengah.


"Saya mula bermain boling padang di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Permatang, Kuala Selangor. Lama-kelamaan timbul minat sehingga mewakili daerah pada Sukan Selangor (SUKSES) serta menjadi pelapis negeri pada usia 13 tahun.

"Kali pertama beraksi di temasya SUKMA pada 2018 di Perak tetapi hanya layak ke suku akhir dalam kategori (berpasangan) campuran.

"Hasrat mewakili Selangor pada SUKMA di Johor pada 2020 tidak kesampaian apabila ditunda akibat pandemik, namun semuanya saya anggap cabaran sebagai seorang atlet," katanya.



RAGAM



Projek TURAP JALAN MEGA di Selangor? Elehh! Ini semua gula-gula Pilihan Raya Negeri lah ni! Macamlah kita tak tahu.

Kami tetap turap jalan demi kepentingan rakyat. Tak ada pilih kasih!

Ya! Ya! Terima kasih. Eheh....

RONASING



TEKUN... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (lima, kanan) mendengar syarahan Pengasas Institut Ihsan United Kingdom Sheikh Ahmed Mohamed Saad Al-Maliki Al-Azhari Al-Hasani (kanan) di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya pada 18 Jun. Turut hadir, Imam Besar Masjid Al-Aqsa Sheikh Dr Ekrima Sa'id Sabri (dua, kanan) dan pendakwah Gambia Sheikh Muhammad Heydara Al Jilani (tiga, kanan). Foto BERNAMA

RM6.4 juta naik taraf Kafa Kedah

RM8.9 juta untuk pendidikan Islam

SHAH ALAM - Dana RM8.9 juta disediakan bagi membantu institusi pendidikan Islam di Kedah dengan meningkatkan tahap mutu pendidikan di negeri itu, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata sebanyak RM6.4 juta diperuntuk bagi membaik pulih dan menaik taraf kemudahan termasuk Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) di negeri itu, lapor Bernama.

Katanya, RM604,180 diluluskan kepada 36 institusi tersebut untuk kursus dan latihan guru serta bantuan alatan antaranya meja, kerusi, almari, projek-

tor, papan putih dan kabinet buku.

"Kerajaan turut menyumbang RM1.985 juta kepada 28 pondok, tahfiz, maahad dan sekolah agama berdaftar di Kedah dalam usaha kita menyuburkan lagi pendidikan berteras Islam," katanya.

Beliau berucap dalam sambutan jubli intan Sekolah Menengah Agama (SMA) Nahdhah Hasanah Melele, Kodiang, Jitra pada 17 Jun yang turut menerima RM1.2 juta untuk kerja baik pulih.

Anwar menambah kerajaan juga meluluskan sumbangan lain iaitu RM2.94 juta kepada 588 masjid kariah

12 daerah yang berdaftar bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK).

Beliau yang juga menteri kewangan berkata sumbangan tersebut bagi pengimarah masjid sempena sambutan Aidiladha iaitu setiap masjid menerima RM5,000.

Menegaskan kerajaan tidak membelakangkan pendidikan Islam meski berdepan kekangan kewangan, hutang dan perbelanjaan defisit, Anwar berkata 821 juta diperuntuk bagi pembangunan 228 sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) bawah kementerian.

Tambahan RM500 juta atasi isu air

SHAH ALAM - Peruntukan tambahan RM500 juta diberi untuk mengatasi masalah air bersih di Kelantan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menjelaskan pertambahan tersebut hasil perbincangan lanjut antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan Kelantan, lapor Bernama.

"Kita bincang dengan kerajaan Kelantan untuk atasi masalah air bersih. Saya kata nak minta banyak sangat tidak boleh.

"Jadi kita mulakan projek tetapi

perlu dikendalikan bersama dan diurus ikut saluran yang betul," katanya dalam program Temu Anwar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok pada 18 Jun.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata peruntukan RM1 bilion disediakan untuk menyelesaikan isu bekalan air di Kelantan mulai tahun ini.

Pelajar UMK Nur Syaquirah Abu Bakar menganggap usaha sedemikian wajar kerana gangguan bekalan air berlaku lima atau enam kali seminggu hingga

menimbulkan masalah kepada pelajar di kampus.

"Apabila masalah ini berlaku saya terpaksa masuk lewat sedikit dalam kelas dan ia mengganggu pembelajaran saya," katanya.

Bagi peniaga Noor Kartini Awang, 35, peruntukan tambahan berkenaan menunjukkan keprihatinan kerajaan tanpa mengira latar belakang politik.

"Sangat bagus dan saya rasa gembira dengan pengumuman ini kerana kami rakyat Kelantan sering berdepan masalah bekalan air bersih," katanya.

Perkenal semula kad diskaun pelajar

SHAH ALAM - Kerajaan mempertimbang untuk memperkenalkan semula kad diskaun kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) bagi mengurangkan beban dan menjaga kebajikan mereka.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata perbincangan akan dibuat dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengajian Tinggi, lapor Bernama.

"Program ini untuk memudahkan mereka mendapatkan makanan di universiti, malah ada bank makanan untuk mereka yang memerlukan mendapatkan barangan tertentu secara percuma," katanya.

Beliau bercakap demikian pada sidang media Program Jelajah Rahmah dan Townhall Menteri KPDN Bersama Rakyat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seri Iskandar di Perak pada 17 Jun.

Sebelum ini, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KDS1M) direka untuk berfungsi sebagai kad debit, ATM dan diskaun hingga 60 peratus untuk pelbagai produk bagi penuntut IPT.

Pelepasan cukai hingga 2024

SHAH ALAM - Pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) terus menikmati pelepasan taksiran cukai pendapatan hingga 2024 ke atas simpanan bersih hingga RM8,000 setahun.

Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Datuk Norliza Abdul Rahim berkata insentif itu menjadikan SSPN produk simpanan tunggal yang memberi kelebihan berbeza berbanding simpanan lain, lapor Bernama.

"Insentif ini akan meningkatkan motivasi serta galakan kepada ibu bapa untuk terus membuat simpanan bagi tujuan pendidikan dan masa depan anak-anak, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman PTPTN," katanya dalam kenyataan pada 17 Jun.

SPRM perlu bebas siasat ahli politik

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu bebas dan berkecuali ketika menjalankan tugas termasuk siasatan terhadap tokoh politik dan bekas pemimpin negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata perkara tersebut sejajar peranan suruhanjaya berkenaan yang melaksanakan tugas berlandas prinsip keadilan dan undang-undang.

"Orang-orang yang menganggap ini siasatan bermotif politik, harus melihat kepada fakta dan bukan sentimen politik untuk kelirukan rakyat.

"Kalau nyata dari segi siasatan ada kes yang dianggap berprofil tinggi dan mempunyai alasan cukup kukuh untuk didakwa itu tugas SPRM dan Jabatan Peguam Negara," katanya di Dewan Negara pada 19 Jun.

Bina dua sekolah kebangsaan baharu

SUBANG JAYA - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bakal membina dua sekolah kebangsaan baharu di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.

Timbalan Menteri Pendidikan Lim Hui Ying memberitahu cadangan pembinaan Sekolah Kebangsaan (SK) Seksyen 5 Bandar Kinrara diluluskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Beliau menjelaskan pembinaan SK Jalan Puncak Jalil 4 pula akan dimasukkan dalam RMK13, yang akan dilaksana secepat mungkin untuk manfaat warga DUN tersebut.

"Sudah ada perkembangan mengenai pembinaan sekolah itu. Menerusi Kerajaan Perpaduan, kita cuba laksanakan (bina) secepat mungkin," katanya pada 14 Jun.

Permohonan sijil halal meningkat

SHAH ALAM - Permohonan persijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menunjukkan aliran peningkatan dalam kalangan usahawan bumiputera sepanjang tiga tahun bermula 2021.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata permohonan bagi bumiputera merekodkan 1,500 pada 2021 manakala 2022 (1,700) dan tahun ini, setakat Jun 1,000 permohonan.

"Kenaikan itu adalah berikutan peranan yang telah dimainkan oleh Jakim untuk menggalakkan pemain industri dalam kalangan bumiputera terutama yang beragama Islam, untuk memohon sijil berkenaan.

"Hakikatnya memang ramai pemain industri adalah mereka yang bukan bumiputera, sebab itu permohonan sijil halal itu dipelopori mereka yang bukan beragama Islam," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada Rumah Perlindungan Al-Fattah, di sini pada 13 Jun.

Cemerlang tempuh liku lima tahun

SHAH ALAM - Pentadbiran negeri memiliki perancangan jangka panjang dan berupaya menangani krisis tanpa menjejaskan kesejahteraan rakyat dan kerancakan ekonomi Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengakui pelbagai cabaran diharungi sejak memimpin negeri mulai 2018 tetapi semuanya ditangani dengan penuh keazaman.

Jelasnya, lima pakej rangsangan diwujudkan iaitu Pakej Selangor Prihatin 1,2 dan 3, Pakej Kita Selangor

1.0 dan 2.0, Bantuan Selangor Bangkit dan Rancangan Selangor Pertama.

"Ini membuktikan pentadbiran ini ada perancangan rapi demi manfaat hampir tujuh juta rakyat Selangor, tiada yang disisih. Setiap rakyat dibantu dalam pelbagai cara," katanya dalam rakaman montaj sempena lima tahun pentadbirannya pada 19 Jun.

Amirudin menjelaskan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) antara bukti negeri ada kemampuan dan perancangan demi kesejahteraan rakyat.

Selain mengekal Selangor sebagai

penyumbang ekonomi terbesar, beliau berkata bantuan kebajikan melalui Iltizam Selangor Penyayang (ISP) dikembang kepada 46 inisiatif.

"Melalui Iltizam Selangor Penyayang (ISP) pula dikembangkan kepada 46 inisiatif termasuk penghantar barangan sambilan, anak istimewa dan program pendidikan.

"Ini tidak termasuk pembinaan rumah, kebudayaan, Projek Skim Jaminan Air Selangor (SJAM), Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Rasau dan Smart Parking," katanya.

Sasar 50 kerusi

Yakin menang pilihan raya negeri

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor Dato' Seri Amirudin Shari yakin menang pilihan raya negeri berikutan prestasi cemerlang pentadbiran sejak 2018.

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar percaya lebih 50 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) boleh dimenangi hasil dasar negeri yang meletakkan kebaji-

kan rakyat sebagai keutamaan.

Katanya, pentadbiran negeri juga sentiasa menitik berat tatakelola baik dalam pengurusan pada semua peringkat, malah setiap isu yang dibangkitkan dijawab tanpa 'sapu bawah karpet'.

"Sepanjang lima tahun, tiada isu pertempuran dalaman yang tajam dalam HARAPAN Selangor dan kalau strategi betul dengan rakan gabungan, boleh cipta kejayaan lebih besar.

"Kita sangat positif dan yakin kekal

dua pertiga majoriti serta mampu meneruskannya," katanya dalam sidang media khas sempena lima tahun pentadbiran beliau di sini pada 19 Jun.

Sebelum itu, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan membubarkan Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 23 Jun.

Baginda turut berkenan menandatangani proklamasi pembubaran DNS ke-14 dalam majlis istiadat di Istana Alam Shah.

Sasar tingkat daftar prasekolah

SHAH ALAM - Kementerian Pendidikan (KPM) menyasar peningkatan enrolmen murid di prasekolah kepada 90 peratus berbanding 80 peratus ketika ini sebagai langkah awal mengekang keciciran di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Menterinya Fadhlina Sidek berkata KPM akan membuka lebih banyak institusi itu selain melakukan kempen kepada

ibu bapa untuk menggalakkan mereka menghantar anak-anak ke prasekolah bagi mendapatkan pendidikan awal.

"Enrolmen prasekolah (ketika ini) adalah sekitar 80 peratus, sekolah menengah lebih kurang 78 peratus jadi agak rendah berbanding dengan sekolah rendah yang kita wajibkan itu iaitu pada kadar 98 peratus.

"Jadi kita ada dua segmen pelajar yang perlu kita beri tumpuan enrolmennya iaitu prasekolah dan juga sekolah menengah," katanya seperti dilapor Bernama pada 17 Jun.

Beliau berkata antara faktor kadar enrolmen prasekolah rendah adalah kemiskinan selain kekurangan kelas yang sedang ditangani di peringkat kementerian.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTAI LEBIH 1 JUTA KOMUNITI DIGITAL MEDIA SELANGOR



MediaSelangor



Selangor Journal



Selangor TV



Selangor TV



Media_Selangor



mediaselangor



t.me/MediaSelangor



@Selangortv



Media Selangor Sdn Bhd

Layari portal berita selangorkini.my hari ini untuk kemaskini berita khusus untuk warga Selangor





KESELAMATAN... Penguat kuasa Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) menangkap lembu berkeliaran di Jenderam Hulu, Dengkil pada 16 Jun. Sebanyak tiga ekor lembu disita dalam operasi bersama Pejabat Daerah dan Tanah Sepang serta Jabatan Veterinar. Foto Facebook MPSepang

Plastik antara separuh sisa bukan organik

Kutip 86,449 tan metrik sampah

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KLANG - Sebanyak 86,449 tan metrik sampah dikutip di Sungai Klang melalui projek Gerbang Maritim Selangor (SMG) menggunakan mesin pengutip sampah Interceptor sejak 2016.

Pengarah Urusan Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) Syaiful Azmen Nordin menjelaskan 51 peratus adalah sampah bukan organik manakala bakinya organik.

"Pembersihan Sungai Klang dilaku-

kan sejak 2016 dan diawal operasi 1,492 tan metrik dikutip. Secara keseluruhan sebanyak 86,449 tan metrik dikutip di Sungai Klang.

"49 peratus sampah organik manakala daripada 51 peratus sampah bukan organik, 80 peratus adalah plastik," katanya dalam sesi taklimat di Pelabuhan Klang di sini pada 13 Jun.

Taklimat berkenaan merupakan kerjasama antara LLSB dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Jaringan Malaysia dan

Brunei (UNGCMYB).

Terdahulu, Menteri Alam Sekitar Nik Nazmi Nik Ahmad meninjau operasi mesin pengutip sampah Interceptor 005 di Sungai Klang.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor berikutan kejayaan dalam membersihkan sungai berkenaan.

Nik Nazmi turut menyaksikan majlis menandatangani kolaborasi antara LLSB dan UNGCMYB dalam membangunkan rangka kerja kelestarian dan pelan tindakan projek SMG.

RM564.2 juta jualan bazar tertinggi

SHAH ALAM - Selangor mengutip hasil tertinggi bagi jualan bazar Ramadan dan Aidilfitri tahun ini dengan nilai RM564.2 juta daripada 12,668 gerai, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia pada 16 Jun.

Johor kedua dengan nilai RM411.0 juta daripada 12,671 gerai dan Kuala Lumpur pula RM284.2 juta daripada 4,023 gerai.

"Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 50 peratus kepada nilai jualan keseluruhan.

"Di peringkat daerah pentadbiran, Johor Bahru mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM207.6 juta, diikuti Petaling RM204.5 juta dan Klang RM87.4 juta," kata jabatan itu dalam kenyataan.

Menurut Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2023, nilai jualan di seluruh negara meningkat 5.9 peratus kepada RM2.5 bilion berbanding RM2.4 bilion yang direkodkan tahun lepas.

Bagi prestasi bazar Ramadan, Sela-

ngor merekod jualan tertinggi RM451.4 juta, Johor (RM313.5 juta) dan Kuala Lumpur (RM264.3 juta).

Manakala peringkat daerah pentadbiran, Petaling mencatatkan nilai jualan tertinggi RM186.0 juta, Johor Bahru (RM148.3 juta) dan Hulu Langat (RM64.3 juta).

Bagi prestasi bazar Aidilfitri pula, Selangor turut mencatatkan nilai jualan tertinggi RM112.7 juta, Johor RM97.5 juta dan Melaka RM47.4 juta.

Segera tubuh badan pengurusan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mahu kawasan pemaju berstrata yang belum menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) supaya segera berbuat demikian.

Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad berkata penubuhan badan seperti itu penting bagi pengurusan dan penyelenggaraan bangunan yang lebih baik sekali gus mewujudkan persekitaran kediaman lebih selesa.

"Berdasarkan statistik sehingga Januari 2023, sebanyak 637 kawasan pemajuan berstrata dengan 108,566 unit petak direkodkan di kawasan pentadbiran Ampang Jaya.

"Bagaimanapun, hanya 277 JMB dan 189 MC telah ditubuhkan dan beroperasi secara aktif dalam tempoh yang sama," katanya sempena Program Meraikan Kecemerlangan Alam Sekitar MPAJ 2023 di ibu pejabatnya pada 11 Jun.

MPKj lulus permit niaga sementara

SHAH ALAM - Seramai 34 penaja di Laman Komuniti MPKj Seksyen 13 dan Pusat Penaja Seksyen 8, Bandar Baru Bangi menerima permit sementara dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) pada 14 Jun.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memaklumkan Yang Dipertuanya Najmuddin Jemain turun kedua-dua lokasi perniagaan berkenaan bagi menyerahkan permit kepada semua peniaga.

"Program penyerahan permit perniagaan sementara telah diberikan kepada 19 penaja Laman Niaga Komuniti MPKj dan 15 penaja di Seksyen 8 Bandar Baru Bangi.

"Diharapkan dengan adanya program sebegini dapatlah memberi hubungan yang baik antara MPKj dan peniaga peniaga kecil," menurut MPKj di Facebook.

Giat gotong-royong kawal kes denggi

SUBANG JAYA - Lima Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) bawah Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) melaksanakan gotong-royong bersama penduduk sepanjang bulan ini susulan peningkatan kes denggi.

Datuk Bandar Subang Jaya Mohd Fauzi Yatim berkata 3,511 kes denggi direkod setakat 10 Jun berbanding 1,489 kes dalam tempoh sama pada tahun sebelumnya.

"MBSJ meminta MPP untuk mengadakan gotong-royong terutama di lokaliti yang kes denggi tinggi. Setakat ini lima MPP, yang lain dijangka akan melaksanakan gotong-royong dalam masa terdekat," katanya pada 16 Jun.

Mohd Fauzi turut memohon kerjasama masyarakat untuk memastikan kawasan persekitaran masing-masing bebas dari tempat pembiakan Aedes.

RM1 juta bina rumah orang Asli

SEPANG - Pembinaan rumah orang Asli menerusi peruntukan RM1 juta pada tahun ini dijadual bermula bulan ini.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata projek berkenaan dalam proses akhir untuk melantik kontraktor.

"MBI sebagai agensi pelaksana bagi bantuan berkenaan memantau dan melantik kontraktor bagi kerja pembinaan rumah.

"Sekarang pada peringkat akhir pelantikan kontraktor yang melalui proses tender selepas itu kita akan bina rumah," kata pada 10 Jun.

Beliau berkata projek berkenaan lebih menumpukan pembinaan baharu dengan anggaran RM30,000 hingga RM40,000 sebuah rumah.

RM40,000 naik taraf kemudahan sekolah

SUBANG JAYA - Pejabat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara menyalur RM40,000 bagi menaik taraf kemudahan asas di dua sekolah.

Wakil rakyatnya Ng Sze Han berkata RM20,000 disalurkan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 4 Bandar Kinrara bagi menaik taraf laluan pejalan kaki.

"SMK Bandar Puchong Jaya (A) menerima RM20,000 bagi menaik taraf longkang. Di harap dengan peruntukan ini boleh membantu kedua-dua sekolah menyelenggara kemudahan mereka," katanya pada 14 Jun.

Terdahulu, Sze Han menghadiri sesi jejak Kementerian Pendidikan (KPM) yang diketuai Timbalan Menteri Pendidikan Lim Hui Ying ke DUN Kinrara di sini.

Sementara itu, Pengetua Fadzlon Faisal berterima kasih atas sumbangan berkenaan untuk menaik taraf kemudahan demi kesejahteraan pelajar.

"Pencapaian bidang sukan dan akademik kami membanggakan. Kami mempunyai atlet yang bertanding dan menang kejohanan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa."

Program bantu penghantar, wanita

KUALA SELANGOR - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) menjangkakan dua program yang memberi manfaat kepada pekerja p-panggilan serta wanita di Kuala Selangor.

Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati Juwairiya Zulkifli berkata seramai 150 pekerja p-panggilan menerima baucar minyak enjin sempena



program Servis Minyak Enjin P-Panggilan pada 14 Jun.

Sementara, sebanyak 300 baucar diberi kepada wanita mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kecantikan menerusi program Wanita Selangor Sihat & Anggun (Wangsa).

"Dua program ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada pelajar STDC mengaplikasikan apa yang

dipelajari di samping memberi manfaat dan meringankan sedikit beban pekerja p-panggilan.

"Bagi program Wangsa pula, ia memberi peluang kepada wanita untuk mendapatkan perkhidmatanurut badan, 'facial' dan dandanan rambut," katanya pada 14 Jun.

Wangsa dikendalikan enam pelajar jurusan Kecantikan Wanita berdasarkan janji temu yang dibuat penerima baucar dijadual berlangsung hingga Ogos.

Elak tragedi ragut 23 nyawa berulang

Garis panduan tingkat keselamatan

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Garis panduan sekolah agama persendirian di Selangor ditambah baik bagi mempermudah operasi institusi itu seterusnya meningkatkan tahap keselamatan murid.

EXCO Hal Ehwal Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata panduan itu dibuat pada 2019 berasaskan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaji.

Menjelaskan Baginda gusar tragedi kebakaran yang meragut 23 nyawa dan mencederakan lima murid pada 2018 berulang, beliau berkata panduan tersebut diikuti penubuhan Jawatankuasa Pasukan Khas.

Katanya, tempoh dua tahun mulai 1 Januari 2021 diberi kepada sekolah aga-

ma demikian untuk memenuhi syarat garis panduan itu selain mempertimbang lanjutan tiga tahun kepada 416 sekolah agama.

"Jawatankuasa Pasukan Khas juga telah memulakan langkah penambahbaikan garis panduan sedia ada untuk dipermudah, melalui langkah tersebut maka halnya syarat minimum dikenakan kepada pengusaha sekolah agama persendirian di Selangor," katanya.

Kenyataan itu menangkis dakwaan tiga badan bukan kerajaan pada 16 Jun yang mendesak Kerajaan Selangor untuk memudahkan urusan kelulusan operasi sekolah berkenaan.

Mereka mendakwa pengusaha sekolah tersebut sukar mendapatkan

kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan.

Mohd Zawawi kesal berikutan usaha pentadbiran negeri itu disalah tafsir sesetengah pihak seolah-olah cubaan untuk menghentikan usaha dakwah dengan menutup sekolah agama tersebut.

"Tuduhan ini merupakan tohmahan tidak berasas sesetengah pihak yang cuba memburukkan usaha murni Kerajaan Negeri dalam mengangkat kualiti dan taraf sekolah agama persendirian," katanya.

Beliau juga menegaskan usaha itu mendapat sokongan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) yang dianggotai 478 institusi sekolah agama persendirian.



Segera mohon insentif haji

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI meminta pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) segera menghantar permohonan Insentif Haji Muassasah.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata ia berikutan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) yang semakin hampir untuk memberi laluan kepada pilihan raya negeri.

"Setakat ini kita sudah terima hampir 2,000 permohonan. Kebanyakan pejabat DUN ada yang belum hantar borang itu kepada kami.

"Kita minta pihak pejabat DUN segera hantar borang kepada kami memandangkan pembubaran DUN semakin hampir," katanya pada 15 Jun.

Bagaimanapun, Ahmad Azri menjelaskan MBI akan mengumumkan kaedah permohonan lain kelak sekiranya pembubaran DUN berlaku dalam masa terdekat.

"Sebab sekarang nak mohon perlu melalui pejabat DUN dan apabila sudah bubar nanti kita akan umumkan permohonan menerusi kaedah lain bagi memudahkan orang ramai. Tarikh tutup kita lanjutkan sehingga 25 Ogos," katanya.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar mengumumkan seramai 3,000 jemaah menerima insentif RM500 haji muassasah khusus untuk kumpulan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40).

Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif melalui MBI turut mengagihkan kit syifa seperti ubat-ubatan, cecair pembasmi kuman, losyen dan pelembap bibir.

Antara syarat permohonan ialah warganegara Malaysia yang beralamat di Selangor atau telah mendaftar haji di mana-mana cawangan Lembaga Tabung Haji di Selangor.

Pemohon juga perlu mendapat pengesahan penawaran menunaikan haji muassasah tahun ini dari Lembaga Tabung Haji Selangor.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000014898	PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR JALAN BUKIT BELIMBING-PASIR PENAMBANG, KUALA SELANGOR
2.	PN0000014893	PROPOSED IMPROVEMENT WORKS TO SG. LOLO AND SG. PANGSOON WTP SUPPLY AREAS
3.	PN0000014894	CONSTRUCTION OF NEW ELEVATED WATER TANK AND BOOSTER PUMPHOUSE FOR SALAK TINGGI WTP

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists>. Sertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



LINCAH... Aksi peserta sesi pertama Program Elit B11 anjuran Selangor FC melibatkan 39 bakat baharu dari sekitar Lembah Klang dan Putrajaya di Pusat Latihan Persatuan Bolasepak Selangor, Shah Alam pada 17 Jun. Foto Facebook Selangor FC

Libat 1,000 peserta termasuk TSG

Atlet antarabangsa sertai lumba basikal

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar bakal menyertai kejohanan lumba basikal Selangor International Race 2023 (SIR) pada 25 Jun.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Dato' Mahmud Abas berkata Dato' Seri Amirudin Shari menyertai kategori kenamaan (VIP) sejauh 35 kilometer (km).

"PKNS selaku penganjur turut menjemput Menteri Perdagangan Antara-

bangsa dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta bekas menteri kesihatan Khairy Jamaluddin," katanya selepas prapelancongan SIR pada 12 Jun.

Selain kategori berkenaan, program julung kali dan bertaraf antarabangsa turut melibatkan 1,000 peserta termasuk pelumba pasukan nombor satu Asia, Terengganu Polygon Cycling Team (TSG).

Mahmud berkata beberapa pelumba ternama dari negara jiran turut mengambil bahagian antaranya atlet Si-

ngapura, Indonesia dan England selain dijangka disertai Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Pelumba bakal menempuh laluan rata, beralun dan kawasan lapang sejauh 145km bermula dan berakhir di ibu pejabat PKNS.

Bakal menjadi acara tahunan, program itu menawar hadiah keseluruhan berjumlah RM64,000 dan mendapat tajaan pelbagai pihak antaranya Worldwide Holdings Berhad, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, Decathlon, Hutan Ration dan Central Spectrum.

RM6.9 juta buru emas sulung

SHAH ALAM - Kementerian Belia dan Sukan bersama Jawatankuasa Road To Gold (RTG) meluluskan peruntukan sebanyak RM6.9 juta sebagai perediaan memburu emas pertama negara di Sukan Olimpik Paris 2024.

Menterinya Hannah Yeoh berkata dana berkenaan merangkumi khidmat sokongan bagi meningkatkan prestasi atlet serta menyediakan persekitaran latihan lebih sesuai, lapor Sinar Harian.

"Ia (peruntukan) turut melibatkan

makanan tambahan, akses penuh kepada kemudahan latihan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN). Turut disalurkan ialah sokongan perubatan dan keperluan teknologi serta meluluskan elaun khas RM3,000 sebulan untuk setiap atlet RTG," katanya pada 19 Jun.

Dalam perkembangan sama, Hannah menegaskan semua atlet RTG akan diberi layanan sama rata dan tidak wujud istilah 'anak emas' kerana mereka menggalas misi sama, memenangi

emas dalam kejohanan berprestij itu.

"Kita tidak ada anak emas tertentu dalam program RTG, semua atlet adalah anak emas. Kita bagi elaun yang sama RM3,000 sebulan kepada semua atlet berada dalam program ini.

"Servis ISN juga kita beri kepada mereka bagi memastikan mereka ada peluang untuk berjaya," katanya ketika mengulas keputusan jawatankuasa RTG untuk mengekalkan perseorangan lelaki profesional Lee Zii Jia dalam program berkenaan.

Kayuhan emas ke-12 Azizulhasni

SHAH ALAM - Jaguh berbasikal trek negara memenangi emas dalam acara keirin dalam Kejohanan Berbasikal Trek Asia (ACC) 2023 di Velodrom Nasional Nilai, Negeri Sembilan pada 18 Jun.

Datuk Azizulhasni Awang menewaskan pelumba Jepun Shinji Nakano yang meraih perak dan rakan senegara Muhammad Shah Firdaus Sahrom ketiga dalam pusingan akhir.

"Saya menikmati detik ini. Saya lihat penonton 'gila', saya pun 'gila'. Syukur, ACC terakhir saya prestasi terbaik dua pingat emas. Saya ingat sebelum ini pernah juga raih dua emas. ACC bukan mudah sekarang ini kerana sudah tahap dunia," katanya yang turut memenangi acara pecut individu pada 16 Jun.

Kejayaan itu adalah emas ke-12 buat dirinya sejak pertama kali meraih pingat di kejohanan ACC pada 2007.

Tiada hasrat sandang jawatan

SHAH ALAM - Legenda badminton negara masih belum berhasrat mengisi kekosongan jawatan Pengarah Kejurulatihan Perseorangan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang ditinggalkan Wong Choong Hann.

Datuk Lee Chong Wei berkata beliau belum bersedia menggalas jawatan itu atau mana-mana jawatan sepenuh masa di BAM melihat kepada tanggungjawabnya dalam program Road To Gold (RTG) dan ahli jawatankuasa di Majlis Sukan Negara (MSN), lapor Bernama.

"Saya tak akan terima (mana-mana jawatan). Saya tak sedia untuk pegang jawatan ini (pengarah kejurulatihan perseorangan), sebab sekarang ini jawatan saya memang tak mudah.

"Untuk sementara ini saya memang tak fikir untuk jadi jurulatih, saya tak sedia untuk jawatan BAM," kata bekas pemain nombor satu dunia itu.

MMC perkenal tiga kategori baharu

SHAH ALAM - Sebanyak tiga kategori baharu diperkenalkan dalam Kejohanan Motocross Malaysia (MMC) 2023 yang bermula bulan depan membolehkan lima pusingan di Pulau Pinang, Selangor, Putrajaya, Pahang dan Johor.

Naib Presiden MMC Azlan Shah berkata kategori baharu itu adalah 50cc, 65cc rookie dan MX125cc sebagai tambahan kepada tiga kategori utama MX50, MX65 dan MX85, lapor Berita Harian.

"Kategori rookie ini dianjurkan khas untuk pelumba baharu yang berumur 12 tahun kebawah sebagai platform untuk ibu bapa mengenal pasti minat dan tahap potensi anak sama ada untuk pergi lebih jauh di dalam kategori advance MX50 dan MX65.

"Selain itu, satu lagi kategori baharu MX125cc turut dipertandingkan iaitu kategori penyambung untuk MX85cc agar pelumba lebih bersedia sebelum memasuki alam novice/semi pro," katanya pada 12 Jun.



HASNUL BAHARUDDIN Morib

merasmikan acara daki Bukit Jugra bersama pelajar Pusat Giat Mara Kuala Langat

MOHD ZAWAWI MUGHNI Sungai Kandis

melawat pesakit di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang



LAU WENG SAN Banting

menyampaikan baucar Skim Mesra Usia Emas kepada penduduk di Sungai Sedu, Kuala Langat



AZMIZAM ZAMAN HURI Pelabuhan Klang

menziarahi penduduk yang uzur di Kampung Idaman, Klang



SANY HAMZAN Taman Templer

bersama peserta taklimat Iltizam Selangor Penyayang di Dewan Kolej Komuniti Selayang, Gombak



DATO' RIZAM ISMAIL Sungai Air Tawar

melancarkan kelab sukan bermotor di DUN beliau



ROZANA ZAINAL ABIDIN Permatang

bertemu penduduk ketika ziarah kasih di Kampung Sungai Yu, Kuala Selangor



LIM YIE WEI Kampung Tunku

memberi cenderahati di SJKC Sungai Wei, Petaling Jaya



RM5 juta baik pulih jalan, lampu

SHAH ALAM - Sebanyak RM5 juta diperuntuk bagi menaik taraf jalan raya sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Rawang, kata wakil rakyatnya.

Chua Wei Kiat berkata peruntukan bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) itu digunakan untuk menurap jalan berlubang, membaiki longkang tersumbat dan membaik



pulih lampu jalan.

"Sejak 2018 ketika diberi tanggungjawab sebagai wakil rakyat, saya menyatakan hasrat bagi menyelesaikan masalah banjir kilat dan infrastruktur di kawasan ini.

"Antara tempat tumpuan adalah kawasan kampung, perumahan taman dan kawasan utama di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT),"

katanya pada 14 Jun.

Beliau berkata setiap tahun peruntukan yang diterima tidak kurang RM3 juta digunakan untuk menyelesaikan permasalahan penduduk di kawasan tersebut.

"Syukur setelah usaha dalam lima tahun ini, kita telah nampak hasilnya. Kawasan yang sebelum ini kerap berlaku banjir kilat ketika hujan lebat, kini tidak berlaku lagi," katanya.

Kemudahan bola keranjang

RM500,000 naik taraf gelanggang

Oleh **AZIAN AZIZ**

SUBANG JAYA - Sebanyak RM500,000 diperuntuk bagi menaik taraf gelanggang bola keranjang di taman rekreasi Jalan BK 3/2 Bandar Kinrara di sini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kinrara Ng Sze Han menjelaskan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dalam proses mengeluarkan tender projek dan pembinaannya dijadual bermula Ogos ini.

"Pembinaan kemudahan tersebut

dijangka siap dalam tiga bulan.

Gelanggang bola keranjang ini bakal dilengkapi bumbung. Justeru, permainan atau latihan boleh dibuat walaupun cuaca hujan.

"Kebiasaannya, taman rekreasi ini menerima kunjungan 500 orang pada hujung minggu dan 100 orang pada hari bekerja," katanya selepas meninjau kawasan tersebut pada 13 Jun.

Selain gelanggang bola keranjang,



taman rekreasi seluas tiga ekar

itu turut menempatkan taman permainan kanak-kanak, gelanggang futsal dan padang bola sepak.

Sze Han juga memaklumkan program agihan makanan percuma pada setiap Ahad diteruskan sejak dilancar ketika pandemik Covid-19 pada 2020.

Beliau berkata inisiatif Dapur Kinrara memanfaatkan lebih 300 individu daripada pelbagai latar belakang.

Anjur bengkel bimbing usahawan wanita

KUALA LUMPUR - Seramai 30 usahawan kecil menyertai bengkel Bangkit Peningkatan Perniagaan Kecil anjuran Wonderful of Women (WOW) Parlimen Gombak di sini pada 11 Jun.

Pengurus pejabat satelit ahli parlimen Gombak Nurrisal Ahmad Imran berkata program percuma tersebut julung kali dianjurkan bersama badan bukan kerajaan (NGO), Hub.



"Tujuan utama program ini bagi membantu usahawan wanita, terutamanya dari kumpulan B40 untuk terus maju dalam perniagaan mereka.

"Program ini mungkin dapat membantu mereka dalam mengendalikan media sosial untuk mempromosikan perniagaan masing-masing," katanya.

Sementara itu, Pengasas dan Pengarah Urusan Givinghub, Chun Wah Hoo berka-

ta semua peserta dibimbing menerusi empat bengkel selama lebih dua bulan.

Menurutnya, peserta diajar mengenai pemasaran digital, pengendalian media sosial serta beberapa kemahiran lain bagi meningkatkan jualan.

"Idea untuk buat program ini terhasil selepas kami melihat banyak peniaga kecil yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

"Kami lihat ada keperluan untuk bantu peniaga kecil di sini," katanya.



AHLI DEWAN NEGERI TANJUNG SEPAT

BORHAN AMAN SHAH

- **Umur:**
61 tahun
- **Falsafah hidup**
Hidup hanya sekali buat yang terbaik dalam kehidupan
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**
Ahli perniagaan dan Penyelaras Pusat Khidmat DUN Dengkil

- **Alamat pejabat ADN:**
Kompleks Pejabat Penghulu Mukim Batu, Kampung Batu Laut, 42800, Tanjung Sepat
- **Nombor telefon ADN:**
03-3148 1029
- **Facebook:**
facebook.com/PKMTanjungSepat
- **E-mel:**
pkmtg.sepat54@gmail.com



Saran pergiat gotong-royong

SHAH ALAM - Penduduk kampung di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati disaran melaksanakan aktiviti pengindahan dan keceriaan di kawasan masing-masing secara gotong-royong.

Wakil rakyatnya Juwairiya Zulkifli berkata kegiatan berkenaan bukan sahaja dapat mengindahkan kawasan kampung, malah mengukuhkan ukhuwah dalam kalangan penduduk.

"Saya sarankan ketua kampung di DUN saya ikut contoh Kampung Kuantan buat projek pengindahan dan keceriaan secara bergotong-royong dengan menanam anak pokok bunga kertas.

"Pada saya, idea ini sangat baik, bukan sekadar jaga kebersihan tetapi memelihara dan menceriakan kawasan," katanya pada 13 Jun.

RM180,000 baiki kemudahan sukan

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang memperuntuk sejumlah RM120,000 untuk membina dua gelanggang futsal di Taman Melawati dan Taman Permata.

Pengurus pusat khidmat masyarakatnya berkata dua projek lain turut dilaksanakan iaitu baik pulih gelanggang futsal dan longkang di AU2C/6 serta badminton di AU2A/14 berjumlah RM60,000.

"Di bawah Projek Selangor Penyayang, dua gelanggang futsal baharu di Jalan J10 Fasa 6, Taman Melawati dan Jalan Permata 2, Taman Permata dibina melibatkan kos sebanyak RM60,000 setiap satu dan dijangka selesai pada 30 Jun ini.

"Dua projek lain iaitu membaiki pulih gelanggang badminton di padang permainan AU2A/14 dengan belanja sebanyak RM20,000 serta gelanggang futsal dan longkang di AU2C/6 berjumlah RM40,000 juga dilaksanakan," kata Mohd Helmizan Abdul Karim pada 15 Jun.


Permaidani tingkat keselesaan

PETALING JAYA - Pengurusan Masjid Al-Islamiah Kampung Lindungan di sini menerima sumbangan permaidani untuk keselesaan jemaah khususnya muslimah.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Seri Setia Halimey Abu Bakar berkata empat gulung permaidani 2,900 meter persegi bertujuan memberi keselesaan di ruang solat wanita selain bilik seminar.

Beliau gembira dapat memenuhi permohonan Nazir Masjid Al-Islamiah Kampung Lindungan Ustaz Hakim Husain untuk ruangan tambahan masjid berkenaan.

"Semoga sumbangan ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin selain ia digunakan 'dua dalam satu' bagi kegunaan aktiviti lain," katanya pada 10 Jun.



SK Kanchong Darat terbaik dunia

SHAH ALAM - Sekolah Kebangsaan (SK) Kanchong Darat, Kuala Langat antara dua sekolah di negara ini yang disenarai pendek dalam kelompok 10 teratas sekolah terbaik dunia.

SK Kanchong Darat tersenarai dalam kategori Gaya Hidup Sihat bagi Anugerah Sekolah Terbaik Dunia 2023 (World's Best School Prizes 2023).

Sebuah lagi sekolah, SK Seri Permai di Pulau Pinang turut tersenarai dalam kategori Inovasi untuk memenangi anugerah berkenaan.

Kejayaan kedua-dua sekolah itu meraih perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengucapkan tahniah menerusi Twitter pada 16 Jun.

"Salut saya buat warga pendidik dan anak-anak atas pencapaian ini, semoga terus mengorak langkah mencipta lebih banyak kejayaan pada masa akan datang," katanya.

Dalami cempuling, muzik asli

SHAH ALAM - Penganjuran program Silang Budaya ke Indonesia oleh Kerajaan Negeri membuka peluang masyarakat negara itu mengenali seni cempuling dan muzik asli Selangor.

EXCO Kebudayaan dan Warisan Borhan Aman Shah berkata peserta dari Indonesia amat teruja dan mahu mendalami kedua-dua seni budaya itu.

"Mereka mengatakan seni budaya kedua-dua negara berbeza walaupun Malaysia dan Indonesia serumpun. Ini adalah peluang kepada Selangor memartabatkan seni cempuling dan muzik asli ke peringkat antarabangsa.

"Lawatan ini juga dapat membantu meningkatkan keyakinan pertubuhan cempuling dan seni muzik asli untuk membuat persembahan di luar negara," katanya pada 14 Jun.

CEMAS...
Pelumba negara Muhammad Shah Firdaus Sahrom (atas, kiri) mengalami kemalangan di peringkat separuh akhir acara keirin dalam Kejohanan Berbasikal Trek Asia (ACC) 2023 di Velodrom Nasional, Negeri Sembilan pada 18 Jun. Datuk Azizulhasni Awang muncul juara untuk meraih emas ke-12 sejak 2007.
Foto BERNAMA

► BERITA MUKA 21



Cungkil bakat atlet muda

Raih 10 emas karnival bakat

Oleh **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Selangor meraih 10 pingat emas, 10 perak dan tujuh gangsa dalam Karnival Bakat & Pelapis Siri 1 2023 di Majlis Sukan Negara, Kuala Lumpur pada 16 hingga 18 Jun.

Pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor berkata lima emas disumbang atlet memamah, diikuti karate (tiga) dan masing-masing satu menerusi acara boling padang serta angkat berat.

Mohamad Nizam Marjugi berkata karnival itu gelanggang terbaik untuk atlet-atlet muda mempamerkan aksi mereka selepas menjalani latihan dalam program pembangunan sukan di peringkat negeri.

"Melalui kejohanan ini, kita dapat menilai keberkesanan program sukan melalui pencapaian atlet. Berdasarkan keputusan sepanjang kejohanan kita dapati Selangor tidak ketandusan atlet," katanya pada 19 Jun.

Beliau menjelaskan usaha untuk mengesan bakat baharu penting bagi

mempersiapkan kontinjen negeri mengharungi Sukan Malaysia (SUKMA) selain menjadikan mereka atlet kebangsaan pada masa akan datang.

Mohamad Nizam berkata setakat ini hanya empat daripada 16 acara yang disenarai dalam program pembangunan sukan dipertandingkan dan siri kedua karnival bakal berlangsung pada Ogos.

Terdahulu, Kedah mengungguli siri pertama karnival selepas mengutip 11 emas, empat perak dan tiga gangsa diikuti Selangor dan Sabah ketiga.

Pilihan raya negeri Selangor

PILIHAN ANDA

PILIHAN TERBAIK

demi kemajuan ekonomi

demi perpaduan rakyat

demi kesejahteraan bersama

